

Siri Tokoh-tokoh Sejarah



Tunku Abdul Rahman Putra



e-man



Associated

Educational Distributors (M) Sdn Bhd

Melaka (92567-T)

Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
550 Taman Melaka Raya,
75000 Melaka.

© Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
Cetakan Pertama 2004

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-man

Tunku Abdul Rahman / e-man.

(Tokoh-tokoh sejarah)

ISBN 967-948-829-2 (set)

ISBN 967-948-830-6

1. Tunku Abdul Rahman Putra, al-Haj, 1903-1190. 2. Prime ministers
--Malaysia--Biography. 3. Politicians--Malaysia--Biography. I. Judul.

II. Siri.

923.2595

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk
pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, sama ada secara
elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun
sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada
Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Dicetak di Malaysia oleh:
Grand Art Printing & Packaging Sdn. Bhd.
31, Jalan Jasa Merdeka 1A,
Taman Datuk Tamby Chik Karim,
Batu Berendam,
75350, Melaka.

M
923-2595
TUN-E
f
11 MAY 2004

NASKAH PUKUL NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01142508

PRAKATA

Penjajahan sejak ratusan tahun telah menyebabkan Malaysia menjadi sebuah negara mundur yang sering ditindas. Walaupun pelbagai pembangunan dilakukan di negara ini, namun keterbatasan dalam memimpin negara tetap ada sehingga rakyat kekal mundur.

Menyedari hakikat itu, rakyat Malaysia mula bangkit untuk mencapai kemerdekaan. Penglahiran para pemimpin pelbagai kaum telah sama-sama menggembelng tenaga untuk merealisasikan impian itu. Oleh itu muncullah pemimpin seperti Dato' Onn Jaafar dan Tun Tan Cheng Lock yang mengusulkan kemerdekaan. Kemudian tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun V.T Sambanthan pula mewarisi impian tersebut sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan.

Para pemimpin seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussien Onn menadbir negara selepas mencapai kemerdekaan. Tun Dr. Mahathir Mohamad pula adalah pemimpin yang mencorak Malaysia sebagai negara maju menjelang alaf baru.

Bagi mengenang jasa para pemimpin negara, **Siri Tokoh-tokoh Sejarah** memaparkan kehidupan mereka bermula dari kecil sehingga mampu mentadbir negara dengan penuh kecemerlangan. Oleh itu siri ini juga mampu dijadikan sumber rujukan untuk generasi akan datang betapa pentingnya nilai kemerdekaan dan kewibawaan pemimpin negara memacu Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya di dunia antarabangsa.

Penerbit

Kandungan



Pengenalan	1
Pendidikan	6
Pendedahan Dunia Politik	11
Lapangan Pekerjaan	14
Dunia Politik	19
Keamanan Negara	25
Kemerdekaan	29
Selepas Kemerdekaan	37
Dasar Luar Negara	48
Rumusan Kepimpinan	54
Tanggapan Rakyat Malaysia	63





Tunku Abdul Rahman Putra

BAB 1

PENGENALAN Latar Belakang

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Istana Tiga Tingkat, Alor Setar. Beliau adalah putera yang ketujuh Almarhum Sultan Abdul Hamid, iaitu Sultan Kedah yang ke-24.

Bonda dan saudara-mara memanggil Tunku Abdul Rahman dengan panggilan Awang disebabkan kulitnya yang agak gelap berbanding adik-beradik yang lain. Orang ramai memanggilnya dengan panggilan Tunku Putera.

Sebelum Tunku Abdul Rahman dilahirkan, terdapat satu kejadian yang cukup aneh sehingga memberi kesan terhadap kelahirannya. Cerita itu bermula apabila Sultan Abdul Hamid Halim Shah, iaitu ayahanda beliau mendapati Penyimpan Mohor Diraja Kedah menyalahgunakan cap mohor dalam menjual beberapa bidang tanah kepunyaan kerajaan dan mengambil wang jualan tersebut untuk kepentingan peribadi.

Bagi menghukum kesalahan yang dilakukan oleh penyimpan mohor tersebut, Sultan Abdul Hamid menjatuhkan hukuman memotong ibu jari penyimpan

mohor itu termasuk keluarganya. Ketika itu Sultan Abdul Hamid merupakan seorang yang cukup tegas dalam menjalankan hal-hal pentadbiran termasuk mengenakan hukuman yang keras terhadap pesalah.

Ekoran daripada hukuman itu, isteri penyimpan mohor dan anak-anaknya masuk menghadap bonda Tunku Abdul Rahman sambil meratap supaya permaisuri meringankan hukuman tersebut. Ini disebabkan isteri dan anak-anak penyimpan mohor juga dikenakan hukuman, sedangkan mereka tidak bersalah. Isteri penyimpan mohor tidak ingin pulang selagi permaisuri tidak memberi kata putus.

Bonda Tunku Abdul Rahman adalah seorang yang keras hati, namun begitu hatinya menjadi lembut apabila melihat tangisan isteri penyimpan mohor dan anak-anaknya yang masih kecil itu. Dengan penuh simpati beliau berjanji akan menyarankan kepada Sultan Abdul Hamid membatalkan hukuman tersebut dan sebaliknya menggantikan dengan hukuman yang lain.

Pada mulanya Sultan Abdul Hamid tidak bersetuju dengan saranan permaisurinya, tetapi apabila permaisuri memberitahu beliau sedang hamil, dikhuatiri tangan anaknya kelak akan kudung kerana hukuman yang dijatuhkan olehnya terhadap penyimpan mohor dan keluarganya. Oleh yang demikian, hukuman tersebut diganti dengan hukuman yang lain yang membabitkan hanya penyimpan mohor akan dipenjarakan sementara ahli keluarganya dibebaskan.

Sebenarnya bonda Tunku Abdul

Rahman tidak hamil. Hanya selepas beberapa lama selepas peristiwa tersebut berlaku, barulah permaisuri hamil dan mengandungkan Tunku Abdul Rahman.

Jika dilihat dari segi fizikal Tunku Abdul Rahman adalah berbeza dengan saudaranya yang lain. Ini disebabkan kulitnya agak gelap dan beliau tidak begitu tampan.

Jika dikaji dari segi keturunan, bondanya adalah seorang puteri pembesar Shan, sebuah negeri di bawah pemerintahan kerajaan Siam. Beliau berketurunan separuh Burma dan Siam. Sejak kecil lagi, bonda beliau dipelihara oleh ayahanda Sultan Abdul Hamid sebagai anak angkat. Apabila meningkat dewasa, beliau dikahwinkan dengan Sultan Abdul Hamid. Sungguhpun beliau seorang yang cantik, tetapi mempunyai hati yang cukup keras.

Nama bonda Tunku Abdul Rahman yang sebenarnya ialah Mak Cik Menjelara. Nama Siam baginda ialah Niarang dan ayahandanya bernama Luang Nara.

Sejak kecil lagi Tunku Abdul Rahman selalu sakit-sakit sehingga kaki beliau dipenuhi dengan penyakit puru. Oleh itu bonda Tunku Abdul Rahman sering memastikan kesihatan Tunku Abdul Rahman terjaga dan melarang anaknya daripada bergaul dengan kanak-kanak yang nakal.

Sifat-sifat Terpuji

Jika ditinjau dari segi peribadi, Tunku Abdul Rahman Putra merupakan seorang putera yang terhad dari segi pergaulan dengan ayahandanya. Beliau jarang-jarang berjumpa dengan ayahandanya yang sentiasa sibuk dalam menguruskan pentadbiran negeri Kedah. Namun begitu, beliau tidak

menyalahkan ayahandanya. Beliau sering bergaul mesra dengan rakan-rakan sebaya daripada kalangan bangsawan dan anak-anak pengasuh.

Apabila meningkat remaja, Tunku Abdul Rahman Putra banyak bergaul dengan anak-anak Melayu di kampung-kampung yang berhampiran. Dari sinilah beliau mempelajari cara pergaulan yang bebas sehingga mampu memainkan beberapa jenis permainan tradisional seperti congkak, guli dan lastik.

Tunku Abdul Rahman Putra amat mesra dengan rakan-rakannya tanpa mengira kedudukannya sebagai putera Sultan Kedah. Dengan pergaulan ini telah menyebabkan jiwa beliau lebih cenderung kekampungan dengan menyelami kesusahan yang ditanggung oleh masyarakat Melayu di kawasan sekitar.

Sepanjang keremajaan, Tunku Abdul

Rahman telah dididik oleh keluarganya dengan penuh kasih sayang. Segala ajaran agama dan tatasusila masyarakat Melayu ditekankan supaya dapat membentuk sahsiah beliau. Hal ini penting supaya mampu mempengaruhi kehidupan beliau apabila dewasa kelak.

Tunku Abdul Rahman Putra yang dilahirkan pada 8 Februari 1903 adalah berbintang Aquarius. Ramalan ada menunjukkan individu berbintang Aquarius mempunyai sifat-sifat seperti penyayang, kuat bekerja, berfalsafah dan berdaya maju. Individu berbintang Aquarius juga adalah seorang yang berseni dan mampu membaca fikiran orang lain. Semua ini dimiliki oleh Tunku Abdul Rahman Putra sehingga membentuk beliau menjadi seorang pemimpin yang berjaya.



Tunku Abdul Rahman Putra bersama-sama dengan ayahandanya Sultan Abdul Hamid Alam Shah dan bondanya serta anakanda Tunku, Tengku Kalijah dan Tengku Ahmad Nerang

Tunku Abdul Rahman Putra mempunyai kelebihan tersendiri apabila mimpinya sering menjadi kenyataan. Inilah yang berlaku ke atas dirinya apabila sering bermimpi buruk beberapa kali. Perkara yang paling menakutkan dalam mimpi tersebut ialah mendengar ayahandanya menjerit-jerit ketakutan.

Oleh itu Tunku Abdul Rahman telah menculik ayahanda dan dibawa ke Pulau Pinang. Tanpa diduga beliau dikejutkan dengan pengeboman dan keganasan puak tentera Jepun di Pulau Pinang. Ayahandanya dapat diselamatkan.

Tunku Abdul Rahman juga sering bermimpi yang buruk-buruk ketika menjadi Pegawai Daerah Kulim. Oleh itu beliau mengarahkan anak buahnya menyimpan beras sebanyak yang mungkin. Walaupun ada di kalangan pegawai Inggeris yang merasa syak wasangka terhadap aktiviti yang dijalankan oleh Tunku Abdul Rahman Putra, namun beliau tidak endahkan. Mimpi itu menjadi kenyataan apabila tentera Jepun menyerang Kedah menyebabkan banyak gudang beras diletupkan. Tindakan pantas beliau itu membuatkan Daerah Kulim terselamat kerana mempunyai bekalan beras yang mencukupi.

Tunku Abdul Rahman Putra juga sentiasa mengingati almarhum ayahandanya dan bondanya. Beliau sering menziarahi makam ayahanda dan bonda sebelum berlepas

ke luar negara. Dengan bacaan doa, beliau mengharapkan supaya roh mereka dicucuri rahmat.

Tunku Abdul Rahman Putra mempunyai satu tabiat iaitu sering tidur pada waktu petang. Selepas bersembahyang Zuhur, beliau



Sharifah Rodhiah sentiasa mendampingi Tunku di mana-mana sahaja beliau berada

akan masuk ke bilik untuk tidur. Pada masa itulah beliau tidak suka diganggu. Walaupun sibuk dengan urusan negara, tetapi beliau akan meluangkan sedikit masa untuk melelapkan mata, kecuali jika terdapat perkara-perkara penting yang perlu diuruskan segera.

Sungguhpun demikian, Tunku Abdul Rahman mempunyai sifat-sifat yang positif. Ini adalah bersesuaian dengannya sebagai seorang pemimpin negara yang ulung.

Perkahwinan

Sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman Putra memasuki alam pekerjaan, ahli keluarga menyarankan beliau berumah tangga. Supaya tidak menghampakan bondanya, beliau mengahwini seorang anak saudagar bijih timah yang berbangsa Cina pada tahun 1933.

Maria adalah nama Islam isterinya yang berbangsa Cina di sebelah ayahandanya dan Siam di sebelah ibunya. Namun begitu jodohnya tidak panjang apabila isterinya pulang ke rahmatullah sebaik sahaja selepas 30 hari melahirkan anak kedua akibat demam kuning.

Selepas beberapa bulan kematian isteri, hidup Tunku Abdul Rahman Putra tidak menentu. Oleh itu beliau mengambil keputusan untuk bercuti di Singapura. Di situlah beliau berkahwin dengan seorang gadis Inggeris yang bernama Violet. Perkahwinan beliau terpaksa dirahsiakan buat sementara waktu disebabkan kerajaan Inggeris pada masa itu melarang masyarakat Melayu berkahwin dengan orang Inggeris. Violet terpaksa tinggal di Pulau Pinang, sedangkan pada masa itu Tunku Abdul Rahman Putra ber-

tugas di Kuala Nerang, Kedah.

Namun begitu perkahwinan mereka diketahui umum. Perkahwinan itu tetap diestui oleh keluarga dan mereka hidup bersama-sama di Pulau Langkawi apabila Tunku Abdul Rahman Putra ditugaskan sebagai Pegawai Jajahan Langkawi.

Sungguhpun pada peringkat awal perkahwinan mereka bahagia, namun sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman Putra dipindahkan ke Sungai Petani, kehidupan mereka kian retak. Ini disebabkan isterinya telah dipengaruhi orang Inggeris dan menjalani kehidupan yang bebas.

Sehubungan itu, Tunku Abdul Rahman Putra menghantar isterinya pulang ke London pada tahun 1937 dan kemudian bercerai secara rasmi pada tahun 1946.

Pada tahun 1939, Tunku Abdul Rahman Putra telah berkahwin dengan seorang gadis yang mempunyai budi pekerti yang mulia. Gadis berketurunan Arab itu dikenali sebagai Sharifah Rodhiah. Perkahwinan tersebut kekal sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhir.

PENDIDIKAN

Pendidikan Awal

Semasa berumur empat tahun, Tunku Abdul Rahman dihantar ke sekolah untuk mempelajari Bahasa Melayu pada sebelah pagi dan Bahasa Inggeris pada sebelah petang. Setahun kemudian beliau dihantar ke sekolah Inggeris yang dikenali sebagai *Government English School* dan akhirnya sekolah tersebut dikenali sebagai Sekolah Sultan Abdul Hamid, Alor Setar.

Pada tahun 1913, kekanda Tunku Abdul Rahman yang bernama Tunku Yusof pulang dari England. Tunku Yusof bersekolah di salah sebuah sekolah di England iaitu *Ruby Philip School* dan kemudian memasuki *Maktab Tentera, Royal Academy, Woolwich*. Tunku Yusof adalah anak angkat Raja Siam, King Rama yang Keempat dan dibesarkan di Istana Raja Siam di Bangkok.

Tunku Yusof tidak mahu tinggal di Kedah kerana tidak bersetuju dengan pentadbiran British. Tambahan pula isteri beliau adalah orang Inggeris sedangkan perkahwinan dengan wanita Inggeris amat dilarang oleh kerajaan British.

Oleh itu Tunku Yusof tinggal di Bangkok dan menjadi kapten tentera Siam. Tunku Abdul Rahman yang ketika itu berumur lapan

tahun telah mengikut kekandanya ke Bangkok. Pada masa itulah beliau bersekolah di Siam dan mempelajari bahasa Siam. Oleh sebab beliau mempunyai asas dalam bahasa Siam, adalah tidak kekok bagi beliau menggunakan bahasa Siam di sekolah tersebut. Pada masa itu bahasa Inggeris juga dipelajari daripada guru yang dikenali sebagai *Debsirindir*.

Tunku Yusof meninggal dunia setahun kemudian. Ini memaksa Tunku Abdul Rahman pulang semula ke Alor Setar dan bersekolah di Sekolah Melayu Jalan Baru. Pada tahun 1916 sewaktu berusia 12 tahun, beliau memasuki *Penang Free School* di Pulau Pinang. (*Penang Free School* telah ditubuhkan pada tahun 1916 oleh Sir Francis Light). Sekolah ini dibuka kepada semua pelajar dari semua keturunan dan agama.

Sewaktu menuntut di sekolah



Tunku Abdul Rahman bersama isteri dan anakanda-anakanda, Tengku Kalijah dan Tengku Ahmad Nerang

tersebut, Tunku Abdul Rahman Putra giat dalam kegiatan kokurikulum. Salah satu lapangan yang diminatinya ialah pengakap. Beliau dilantik menjadi ketua pasukan pengakap sekolahnya dan kemudian menjadi pegawai rendah dalam pasukan kadet sekolah. Sewaktu menjadi kadet, beliau mempelajari teknik menembak dan akhirnya menembak menjadi satu kegemaran pada masa lapang.

Pada tahun 1919, Tunku Abdul Rahman Putra naik darjah tujuh. Pada masa itu kerajaan Kedah telah menyediakan pelbagai hadiah kepada para penuntut untuk memastikan mereka belajar dengan baik. Dengan pertolongan kekandanya, Tunku Abdul Rahman dikurniai hadiah.

Pada tahun yang sama juga Tunku Abdul Rahman Putra dikurniai biasiswa kerajaan Negeri Kedah untuk belajar di England bagi peperiksaan memasuki universiti. Pada masa itu kerajaan Negeri Kedah mengambil keputusan untuk membiayai pelajar yang terbaik bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Bagi mendapatkan biasiswa tersebut seseorang pelajar perlu lulus dalam peperiksaan darjah tujuh. Tunku Abdul Rahman Putra lulus dalam peperiksaan mengikut syarat yang ditetapkan dan beliau merupakan seorang putera yang pertama menerima biasiswa tersebut.

Pada bulan Disember 1919, Tunku Abdul Rahman Putra berumur 16 tahun dan beliau berangkat ke England untuk melanjutkan pelajaran.

Pengalaman Di Perantauan

Pada bulan Mei 1920, Tunku Abdul Rahman Putra berlepas ke London

dengan menaiki Kapal *Rhesus* untuk memulakan kehidupan sebagai seorang pelajar di luar negara. Di atas kapal tersebut hanya terdapat 12 orang penumpang.

(Nasib Tunku Abdul Rahman Putra tidak baik kerana beliau dijangkiti penyakit malaria ketika kapal itu berlabuh di salah sebuah daripada pelabuhan. Oleh sebab itu, sepanjang perjalanan beliau mendapat demam. Walaupun berumur 17 tahun, namun beliau menerima segala cabaran itu dengan hati yang tabah.)

Pada bulan Jun 1920, Tunku Abdul Rahman Putra sampai ke *Little Stukeley* sebuah pekan yang kecil berhampiran Cambridge. Di situ cuma terdapat beberapa buah kedai kecil dan kebanyakan daripada penduduknya adalah petani.

Keadaan sekeliling menarik hati dengan tanaman yang menghijau dan rumah-rumah di lereng bukit-bukau yang terdapat di situ.

Pada mulanya Tunku Abdul Rahman Putra tidak berasa gembira tinggal di *Little Stukeley* kerana cara hidup di situ amatlah berlainan dengan cara hidup di Istana Kedah. Makanan orang Inggeris sangat berlainan daripada makanan orang Melayu. Keadaan ini menyukarkan Tunku Abdul Rahman Putra untuk mendapatkan makanan ala Melayu. Selain itu Tunku Abdul Rahman Putra cuma berkawan dengan tiga orang penuntut Siam yang sama-sama menyewa rumah dengan beliau. Oleh sebab Tunku Abdul Rahman Putra boleh berbahasa Siam adalah cukup mudah baginya menyesuaikan diri dengan pelajar-pelajar berkenaan.

Memandangkan Tunku Abdul Rahman Putra adalah seorang

yang peramah dan mudah berkawan, beliau sentiasa dikelilingi oleh ramai kawan.)
(Kemudian Tunku Abdul Rahman Putra membeli sebuah basikal dan mula menjelajah di merata kawasan.)
(Beliau selalu berhenti untuk memerhatikan budak-budak bermain bola di kawasan tersebut.)

(Oleh sebab perangai Tunku Abdul Rahman Putra yang cepat ramah, beliau dipelawa bermain bersama.)
(Walaupun Tunku Abdul Rahman Putra lebih kecil berbanding dengan yang lain tetapi beliau bergerak lebih pantas dan cekap.)

(Lama-kelamaan Tunku Abdul Rahman Putra dikenali oleh semua penduduk *Little Stukeley*.)
(Mereka tidak dapat menyebut nama Tunku Abdul Rahman Putra dengan betul dan hanya menggelarkan beliau dengan panggilan Boboy.)

Aktiviti Di Cambridge

(Sungguhpun Tunku Abdul Rahman Putra sering mengalami kejadian pahit

akibat diskriminasi masyarakat Barat, tetapi beliau sangat seronok tinggal di Cambridge.)
(Beliau menerima elaun 800 pound sterling setahun iaitu wang biasiswa, elaun kerabat diraja dan wang hantaran bondanya.)
(Oleh sebab elaun yang diterimanya adalah cukup besar, beliau adalah salah seorang penuntut terkaya di Cambridge.)
(Beliau membeli kereta jenis Raley berharga 525 pound sterling.)
(Rumah tumpangan Tunku Abdul Rahman Putra yang terletak di luar kampus mempunyai peraturan yang cukup ketat.)
(Pengelola wanita rumah tumpangan itu menjalankan peraturan yang ketat.)
(Pada pukul 10 malam, semua penuntut mesti pulang tidur di rumah tumpangan itu.)

Bagi mengelakkan penuntut yang tinggal di tingkat bawah tidak pulang melalui tingkap, setiap tingkap ditutup pada pukul 10 malam. Sebaik sahaja jam berbunyi tepat pukul 10 malam, pengelola yang garang itu akan masuk ke dalam setiap bilik untuk memastikan penuntut berada di bilik masing-masing.

Tunku Abdul Rahman Putra selalu dikenakan denda sebanyak dua pound



Tunku melibatkan diri dalam pertandingan bola sepak sejak usia remaja lagi

apabila pulang lewat daripada pukul 10 malam. Kadang-kadang beliau dikenakan denda sebanyak 6 pound

kerana peraturan harus diketahui dan dipatuhi oleh setiap penuntut yang mendiami asrama.



Perlantikan Tunku sebagai seorang peguam

sekiranya melebihi pukul 11 malam. Tidak seorang pun daripada mereka yang berani pulang lewat kecuali Tunku Abdul Rahman Putra.

Pengelola wanita begitu sedih dengan perangai Tunku Abdul Rahman Putra. Dengan itu, beliau terpaksa berjumpa dengan pengetua bagi memastikan perangai Tunku Abdul Rahman dapat dikawal. Oleh itu, pada keesokan harinya, pengetua berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman Putra dan meminta penjelasan. Beliau akur dengan sikapnya itu.

Tunku Abdul Rahman Putra mencari idea untuk melepaskan diri dan memberitahu beliau pergi ke rumah rakan sekelasnya untuk mengulang kaji pelajaran dan terlupa untuk pulang lebih awal. Kemudian apabila ingin menghidupkan enjin, enjin kereta pula menghadapi masalah.

Pengetua menyatakan adalah tidak masuk akal sekiranya Tunku Abdul Rahman Putra terlupa untuk pulang

Pengetua memberi amaran supaya

tidak mengulangi perbuatan tersebut. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra dihukum tidak boleh keluar dari kolej sehingga seminggu universiti ditutup kerana ber-cuti.

Lulusan Ilmu
Undang-undang
Di Inner Temple
1948

Selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A) daripada Universiti Cambridge pada tahun 1925, Tunku Abdul Rahman Putra kembali ke Tanah Melayu. Selepas empat bulan berada di tanah air, beliau melanjutkan pelajaran semula ke London atas arahan kekandanya Tunku Ibrahim. Kali ini Tunku Abdul Rahman Putra disarankan supaya mengambil kursus ilmu undang-undang.

Pada tahun 1930, beliau kembali ke Tanah Melayu dan menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah sebagai seorang kadet di pejabat penasihat undang-undang di Alor Setar. Kemudian beliau dilantik menjadi Penolong Pegawai Daerah, Pegawai Daerah Kulim, Kuala Nerang dan Pegawai Daerah Pulau Langkawi.

Namun begitu pada bulan Januari 1946, sekali lagi Tunku Abdul Rahman berangkat ke

England dan kali ini dengan penuh azam untuk lulus pemeriksaan undang-undang. Hajatnya terhasil apabila pada tahun 1948, beliau lulus ilmu undang-undang daripada *Inner*

Temple. Ketika itu umur beliau telah menjangkau 45 tahun. Namun begitu beliau merupakan seorang penuntut luar negara yang pertama yang diakui oleh universiti ini sebagai seorang peguam.

PENDEDAHAN DUNIA POLITIK

Pendedahan Awal

Semasa di Universiti Cambridge, Tunku Abdul Rahman Putra mendapat pelbagai pengalaman. Di Cambridge terdapat beberapa kumpulan politik. Kebanyakan penuntut India mempunyai beberapa perkumpulan politik sejak di Cambridge lagi. Tunku Abdul Rahman Putra telah menganggotai kumpulan majlis iaitu perkumpulan penuntut India yang beragama Islam. Beliau selalu menghadiri majlis-majlis bahasa yang dianjurkan oleh perkumpulan itu. Majlis tersebut menghimpunkan pelajar-pelajar Islam India dalam usaha mengutus penjawatan British ke atas negara India. Oleh sebab itu penuntut-penuntut daripada bangsa Asia tidak begitu suka kepada guru atau penuntut daripada bangsa Inggeris di universiti tersebut.

Penuntut India pula tidak menyembunyikan rasa benci mereka kepada diskriminasi di universiti dan terhadap penjawatan Inggeris di tanah air mereka.

Oleh sebab kulit Tunku Abdul Rahman Putra yang agak gelap dan hampir menyerupai orang India, kebanyakan pelajar India menyangka beliau ialah seorang daripada penuntut India.

Pernah suatu hari penuntut India menjemput Tuan Shaklabala, satu-satunya orang India daripada parti komunis yang menjadi ahli Parlimen British bagi kawasan pilihan raya Timur London. Rancangan lawatan itu telah

diketahui oleh penuntut-penuntut Inggeris di universiti. Mereka amat marah atas lawatan itu disebabkan Tuan Shaklabala adalah seorang komunis.

Ramai penuntut India dan Inggeris yang menunggu di stesen kereta api. Sebaik sahaja kereta api tersebut tiba, penuntut-penuntut India telah menyambutnya. Sejurus kemudian penuntut Inggeris turut menghampiri dan cuba menculik pemimpin India itu. Ini menyebabkan perkelahian berlaku. Pergaduhan ini menyebabkan campur tangan pihak polis supaya tidak berlaku rusuhan yang lebih hebat lagi.

Tunku Abdul Rahman Putra dapat merasakan walaupun jumlah penuntut India adalah kecil tetapi mereka berani menentang penuntut Inggeris yang ramai. Kemudian Tuan Shaklabala disuruh pulang ke London dan perkelahian dapat dileraikan.

Terlibat Dalam Pilihan Raya

Tunku Abdul Rahman Putra mula mengenal pilihan raya ketika di England. Beliau mengambil bahagian dalam pilihan raya di Cambridge.

Pada masa itu Tunku Abdul Rahman menyokong parti yang mulai pudar bintangnya iaitu Parti Liberal. Beliau menyokong parti tersebut kerana parti itu terdiri daripada orang Wales yang menjadi rakannya di universiti.

Tunku Abdul Rahman Putra menggunakan kereta beliau untuk mendapat sokongan bagi parti yang dipimpin oleh Tuan Lloyd George Jurith, seorang Wales yang telah hilang pengaruhnya selepas Perang Dunia Kedua. Pada masa

itu ramai orang Inggeris yang menyokong parti Buruh.

Tunku Abdul Rahman Putra selalu membawa rakan-rakannya dengan menggunakan kereta untuk pergi ke merata tempat untuk bersyarah. Pernah suatu hari, Tunku Abdul Rahman Putra dan rakannya pergi ke sebuah kawasan di sekitar Cambridge. Kemudian beliau mengeluarkan kotak untuk dijadikan tempat mereka berucap. Beliau memuji Parti Liberal di hadapan penduduk yang berkeliaran di situ.

Tiba-tiba kebanyakan mereka datang dengan menyingsing lengan. Oleh itu tanpa berlengah lagi, Tunku Abdul Rahman Putra dan rakan-rakannya terus memandu kereta dan berlalu dari situ. Kejadian seumpama itu banyak terjadi dan dari situlah Tunku Abdul Rahman Putra memimba ilmu dan bereminit menceburi bidang politik.

Kepulangan Tunku Ke Tanah Air

Setelah lulus dalam peperiksaan untuk ijazah sarjana di Universiti Cambridge, Tunku Abdul Rahman Putra meng ambil cuti dan pulang ke Tanah Melayu. Pada masa itu kekanda beliau, Tunku Yaacob pula belajar di universiti tersebut.

Kepulangan Tunku Abdul Rahman Putra ke tanah air menyebabkan sikapnya berubah. D daripada seorang yang tekun belajar dan cemerlang dalam pelajaran, kini berubah sebaik sahaja lulus dalam peperiksaan mendapat ijazah sarjana dan ilmu undang-undang jenayah, bahagian pertama. Ini adalah disebabkan apabila pulang ke Kedah, beliau mendapat sanjungan yang tinggi

seperti seorang putera. Tambahan pula Tunku Abdul Rahman Putra adalah anak Melayu pertama berjaya memperoleh ijazah daripada sebuah unversiti yang temasyhur di dunia.

Tunku Abdul Rahman Putra bercuti empat bulan lamanya sebaik sahaja berada di Tanah Melayu. Tidak berapa lama kemudian setelah cutinya habis, beliau ke England semula untuk melanjutkan pelajarannya dalam ilmu undang-undang. Di England beliau tidak dapat lagi tekun belajar kerana teringat akan keseronokan bercuti menyebabkan pelajarannya terabai.

Tunku Abdul Rahman tidak dapat menumpukan pada pelajaran. Keadaan ini telah menyebabkan beliau bergantung harap kepada rakan-rakannya. Antaranya Dr. The Ham Yan, Tuan Kit San Kong dan Dato' Abdul Hamid bin Mustafa yang terpaksa membacakan buku kepadanya. Kebanyakan daripada rakan-rakannya berasa bosan dan terpaksa Tunku Abdul Rahman Putra membacanya sendiri. Akibatnya beliau tidak pernah lulus hingga tiga tahun berturut-turut.

Kemudian Pengarah Pelajaran Ilmu Undang-undang telah memanggil Tunku Abdul Rahman dan bertanyakan akan cita-cita beliau. Beliau menjawab beliau hendak pulang ke Kedah untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Kedah. Pada masa itu pengarah tersebut memperlecehkan hasrat Tunku Abdul Rahman Putra itu supaya pulang sahaja dan tidak perlu melanjutkan pelajaran. Ini disebabkan Tunku Abdul Rahman Putra tidak pernah lulus dalam setiap ujian yang diambilnya.

Akhirnya Tunku Abdul Rahman Putra pulang ke Kedah dan beliau tidak lagi dipuji oleh rakan-rakannya dahulu.

Pada masa itu beliau telah berazam untuk lulus dalam ilmu undang-undang, walaupun mengambil masa yang lama. Akhirnya beliau pulang dengan ilmu undang-undang walaupun telah berusia 45 tahun.

Pada masa itu, Tunku Abdul Rahman Putra diberikan penghormatan untuk berucap di *Inner Temple* kerana beliau telah mendapat kepujian kelas pertama. Ini disebabkan jarang-jarang sekali penuntut-penuntut yang dapat kelas pertama dan Tunku Abdul Rahman Putra membuktikan kepada semua penuntut bahawa beliau adalah seorang yang cerdas.

Kejayaan ini menjadi inspirasi kepada anak-anak Melayu seterusnya. Oleh itu semakin ramai anak Melayu yang pergi ke England untuk belajar ilmu undang-undang sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman Putra pulang ke Tanah Melayu. Antaranya ialah Tuanku Abdul Rahman (Yang di-Pertuan Agong pertama), Raja Musa bin Raja Haji Bot, Dato' Nik Ahmad Kamil, Tuan Hakim Dato' Abdul Hamid bin Mustafa dan Syed Sheikh Barakbah.

Persatuan Melayu Great Britain

Setelah beberapa lama tinggal di England, terlintas di hati Tunku Abdul Rahman Putra untuk menubuhkan sebuah persatuan bagi anak-anak Melayu di Britain pada tahun 1927. Ini adalah sebagai usaha untuk menggalakkan aktiviti sosial antara mereka. Namun begitu beliau telah membuat satu peraturan supaya setiap ahli harus bercakap dalam bahasa Melayu untuk menanamkan perasaan megah dalam diri anak Melayu.

Memandangkan keperluan kepada sebuah pertubuhan bagi menyatupadukan pelajar-pelajar Melayu di Great Britain, Tunku Abdul Rahman Putra mengesyorkan supaya ditubuhkan Persatuan Melayu Great Britain. Dalam mesyuarat pertama penubuhannya, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan menjadi presiden yang pertama dan Tunku Abdul Rahman Putra dilantik menjadi setiausaha kehormat.

LAPANGAN PEKERJAAN Kerjaya Awal

Sepulang Tunku Abdul Rahman Putra ke tanah air, telah mendedahkan beliau dalam dunia pekerjaan. Pekerjaan awal yang dilakukan ialah sebagai kadet dalam Perkhidmatan Awam Kedah dengan gaji sebanyak RM190 sebulan.)

Pada masa itu tidak terdapat peraturan tentang kenaikan gaji dalam Perkhidmatan Awam Kedah. Walaupun beliau berkelulusan universiti luar negara, namun gaji yang diterima adalah kecil. Sejak diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Kedah, Tunku Abdul Rahman Putra berkehendakkan gaji yang sama dengan kadet berbangsa

Eropah iaitu RM300 sebulan.

Bagi memenuhi hasrat itu, Tunku Abdul Rahman Putra menulis sebuah rencana di sebuah akhbar di Kuala Lumpur bagi menentang setiap tindakan kerajaan British yang ingin menyatukan perkhidmatan kastam di seluruh negeri Melayu dan Selat.

Tunku Abdul Rahman Putra berkata bahawa negeri Kedah tidak mempunyai kuasa lagi untuk mengutip wang cukai, barang-barang masuk dan keluar. Tindakan sedemikian menyebabkan Kedah kehilangan kuasa. Tindakan untuk menyatukan perkhidmatan kastam adalah tindakan licik kerajaan British untuk berkuasa ke atas kedaulatan Kedah pada masa hadapan.

Pegawai Penasihat British Kedah iaitu Tuan Clayton membangkang kemasukan Tunku Abdul Rahman Putra dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra diterima menjadi Pegawai Kelas



Pada peringkat awal, Tunku terlibat dalam unit ketenteraan

Empat dalam Perkhidmatan Awam Kedah dengan gaji pokok sebanyak RM300 sebulan. Sungguhpun demikian, Tunku Abdul Rahman Putra tidak boleh menerima elaun-elaun lain.

Selepas itu Tunku Abdul Rahman Putra ditukarkan ke Kulim sebagai Penolong Pegawai Daerah dan Kuala Nerang sebagai Pegawai Daerah. Kuala Nerang terkenal sebagai sarang penyakit demam kura.

Semasa berkhidmat di Kuala Nerang, beliau dikurniakan dua orang anak, yang sulung bernama Tunku Khalijah dan kedua bernama Tunku Nerang iaitu sempena nama tempat beliau berkhidmat. Malangnya usia Chik Mariam tidak panjang. Isterinya meninggal dunia pada tahun 1934.

Pada tahun 1935, Tunku Abdul Rahman Putra ditukarkan ke Pulau Langkawi sebagai Pegawai Daerah kerana perselisihan faham dengan seorang pegawai penasihat British.

Kemudian, Tunku Abdul Rahman Putra berkahwin dengan seorang perempuan Inggeris yang bernama Violet Coulson yang menjadi penuntut di Cambridge. Perkahwinan tersebut dilakukan dengan cara bersembunyi memandangkan semua kerabat diraja dilarang berkahwin dengan orang luar.

Semasa tinggal di Pulau Langkawi, kehidupan Tunku Abdul Rahman Putra dan isterinya aman bahagia. Isterinya sering mengajar mereka menjaga kebersihan.

Apabila Tunku Abdul Rahman Putra dipindahkan ke Sungai Petani, rumah tangga yang aman damai itu mulai retak. Isterinya telah mula berkawan dengan orang Inggeris sehingga mulai sombong dan bongkak. Dia tidak lagi membuat kerja-kerja amal seperti yang pernah dilakukan di Pulau Langkawi.

Keadaan ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra kecewa dan menghantar Violet pulang ke England. Namun begitu hubungan mereka menjadi rapat semula setelah Tunku Abdul Rahman Putra sekali lagi pergi ke England pada tahun 1938 untuk menyambung pelajarannya.

Pelajaran Tunku Abdul Rahman Putra mula terganggu apabila Perang Dunia Kedua meletus. Beliau mulai rapat dengan Tuan Sardon Zubir iaitu Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Semasa Perang Dunia Kedua, Tunku Abdul Rahman Putra pulang ke Kedah tanpa mengambil ujian dalam ilmu undang-undang. Beliau mula bekerja di Sungai Petani. Namun begitu beliau ditukarkan ke Kulim dalam tempoh 24 jam apabila beliau tidak bersetuju dengan dasar kerajaan yang telah dibuat oleh kerajaan Inggeris.

Pengaruh Perkhidmatan Pasukan Kawalan Am

Tunku Abdul Rahman Putra tidak pernah dilatih menjadi seorang tentera. Walaupun beliau pernah menawarkan diri untuk berkhidmat di *Universiti of Cambridge Territory Army* semasa pengajian, namun begitu tawaran itu ditolak memandangkan warna kulitnya berbeza dengan pelajar-pelajar lain.

Sebaik menamatkan pengajiannya, Tunku Abdul Rahman Putra dilantik memegang jawatan Timbalan Pengarah Perkhidmatan Pasukan Kawalan Am (A.R.P) di Kedah. Beliau menjalankan tugas baru itu dengan bersemangat-sungguh sebaik sahaja A.R.P itu

ditubuhkan pada tahun 1940.

Semasa menjadi Timbalan Pengarah, Tunku Abdul Rahman Putra mula melancarkan operasi menyimpan padi. Beliau menyuruh orang kampung membuat jelapang-jelapang padi bagi mengelakkan kekurangan makanan ketika kecemasan. Beliau juga membina banyak bangsal di bandar-bandar dan kemudian dimuatkan dengan bahan-bahan makanan.

Aktiviti ini menyebabkan timbul syak wasangka di kalangan orang ramai terutamanya pegawai-pegawai Inggeris. Mereka beranggapan perbuatan Tunku Abdul Rahman Putra menimbulkan kegemparan. Namun Tunku Abdul Rahman Putra tidak mengendahkan kebimbangan itu dan terus menjalankan pekerjaannya.

Sebaik sahaja perang meletus di Tanah Melayu, ibu pejabat A.R.P bekerja 24 jam sehari. Dari situlah mereka mulai sedar persediaan yang telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman Putra dalam menghadapi masa kecemasan. Bahkan ada yang memuji-muji Tunku Abdul Rahman Putra.

Pihak Jepun memasuki Kedah melalui selatan Thailand. Serentak dengan itu pengeboman terus dilakukan ke atas Kota Bharu dan Singapura pada 9 Disember 1941.

Menjelang malam itu Tunku Abdul Rahman Putra menerima panggilan. Sebagai seorang Pegawai Kawalan Negeri Kedah, berita tentang kemaraan tentera Jepun perlu diketahui dengan segera.

Pada masa itu Tuan Syed Omar menyatakan Pegawai Tinggi Inggeris telah bersedia membawa ayahanda Tunku, Sultan Kedah dan kekanda beliau Pemangku Raja Tunku

Badli Shah bersama-sama ke Pulau Pinang. Melalui Pulau Pinang, baginda akan berangkat ke luar negara. Tuan Syed Omar juga menyatakan baginda akan berangkat pada keesokan harinya.

Tunku Abdul Rahman Putra dengan berpakaian sebagai seorang Pegawai Tinggi Perkhidmatan Pasukan-pasukan Kawalan Am berangkat pada pukul enam pagi esoknya dari Kulim ke Kepala Batas di Seberang Perai dengan ditemani Tuan Syed Abu Bakar al-Idrus seorang inspektor kesihatan. Mereka menunggu deretan kereta-kereta yang mengiringi Sultan Kedah untuk ke Pulau Pinang.

Tunku Abdul Rahman Putra dan Tuan Syed Abu Bakar menunggu di sebuah bangsal yang terletak ditengah-tengah persimpangan jalan antara Alor Setar dengan Pulau Pinang. Tidak berapa lama kemudian sebuah kereta jenis *Rolls Royce* berwarna kuning diiringi berapa buah kereta lain telah melewati bangsal tersebut.

Setelah kereta-kereta pengiring itu melewati bangsal berkenaan, Tunku Abdul Rahman Putra menahan kereta kenaikan Sultan Kedah.

Tunku Abdul Rahman Putra mengacukan pistol dan mengarahkan pemandu mengikutnya. Tunku Badli Shah yang mengiringi kereta sultan tidak menyedari akan kejadian tersebut kerana keretanya berada jauh di belakang.

Sebaik sahaja sampai di Jeti *Micheal Fields*, Tunku Badli Shah amat terperanjat. Beliau mendapat tahu bahawa sultan telah dibawa ke Kulim oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Maklumat tersebut diperoleh daripada pegawai polis yang mengetuai kereta-kereta pengiring itu menelefon dan mengatakan bahawa Tunku Abdul Rahman Putra tidak

membenarkan sultan pergi ke Pulau Pinang.

Tunku Badli Shah pula menelefon Tunku Abdul Rahman Putra dari Pulau Pinang dan mendesak Tunku Abdul Rahman Putra agar Sultan Kedah diserahkan kepadanya. Tunku Abdul Rahman Putra menjawab bahawa sultan juga adalah ayahanda beliau dan tempat yang paling baik ialah harus sentiasa berada di tengah-tengah rakyat baginda.

Tunku Badli Shah berasa amat marah dan memerintahkan Tunku Abdul Rahman Putra menghantar Sultan Kedah ke Pulau Pinang pada hari tersebut, tetapi Tunku Abdul Rahman Putra menjawab dengan nada yang marah juga. Beliau menyatakan sekiranya Tunku Badli Shah inginkan ayahanda, haruslah mengambil mayat beliau terdahulu. Apabila mendengar kata-kata adindanya, Tunku Badli Shah menghempaskan telefon. Pada keesokan harinya penduduk bandar Kulim dapat mendengar pengeboman dan julangan api akibat pengeboman ke atas Pulau Pinang. Kapal-kapal terbang milik tentera Jepun mengebom bandar Pulau Pinang dengan dahsyat.

Pada petang itu juga Tunku Badli Shah dan keluarganya sampai ke Bandar Kulim. Ketika itu kekanda Tunku, Tunku Mohammad Jiwa pula menelefon supaya menghantarkan Sultan ke Alor Setar kerana beliau telah dimaklumkan bahawa Pemangku Raja telah mengeluarkan waran untuk menangkap Tunku Abdul Rahman Putra.

Tunku Abdul Rahman Putra menjawab perkara itu tidak perlu dirisaukan kerana Tunku Badli Shah telah berada di Bandar Kulim dan tinggal bersama dengannya. Pada masa itu jugalah hampir semua pegawai kerajaan Kedah berkumpul di Kulim iaitu sebuah tempat yang agak aman

pada ketika itu.

Sebaik sahaja tentera Jepun mula menghampiri Alor Setar, Tunku Abdul Rahman Putra memindahkan ayahandanya ke sebuah bukit di kampung Siddim iaitu 20 batu dari bandar Kulim. Tunku Badli Shah serta keluarganya turut mengiringi Sultan Kedah. Tunku Abdul Rahman Putra menyerahkan ayahanda beliau ke tangan penghulu Wahab dari mukim Siddim. Ketika itu barulah Tunku Badli Shah mengakui akan kebijaksanaan adindanya.

Tunku Badli Shah memberitahu Tunku Abdul Rahman Putra, sebaik sahaja tentera Jepun mengebom Pulau Pinang, pegawai-pegawai Inggeris yang mengiringinya tidak mempedulikannya. Beliau dan ahli keluarganya tidak dapat makan disebabkan kedai-kedai ditutup. Kemudian Tunku Badli Shah dan keluarganya datang ke Kulim.

Tunku Abdul Rahman Putra pulang ke Kulim setelah menyerahkan ayahandanya kepada Penghulu Wahab. Keesokan harinya semua pegawai dan pasukan Inggeris yang melarikan diri melucutkan senjata. Dengan terlucutnya senjata itu, Kedah tidak mempunyai pasukan bersenjata lagi.

Tunku Abdul Rahman Putra mengerahkan orang yang boleh berkhidmat secara sukareka dengan menubuhkan sebuah pasukan melawan perusuh. Beberapa orang sahabat karibnya telah menyertai pasukan yang ditubuhkan beliau. Antaranya Tuan Ramdan Din, inspektor telefon dan seorang ahli pasukan Volunteer Kulim yang telah dilucutkan senjata iaitu Tuan Haji Ahmad, setiausaha Pejabat

Bandaran Kulim dan seorang Ketua Pasukan A.R.P pada masa itu.

Tuan Ramdan Din telah dilantik menjadi ketua pasukan itu. Haji Ahmad dan seorang lagi Ketua Pasukan A.R.P ditugaskan supaya mengawal barang makanan.

Selain itu, kedapatan beberapa orang anggota pasukan polis yang dilucutkan senjata turut berkhidmat dalam pasukan itu. Ini termasuklah Rashid dan Hashim yang ditugaskan mengawal lori-lori yang membawa beras dari kilang beras kerajaan di Bagan Serai, Perak ke Kulim yang ketika itu kilang telah dimusnahkan.

Sepanjang menjalankan tugas yang diamanahkan, mereka melakukan dengan berhati-hati. Selama dua hari mereka memungkah beras di kilang kerajaan Bagan Serai berulang-ulang kali. Namun begitu nasib tidak menyebelahi apabila mereka ditangkap oleh tentera Inggeris tetapi mereka dapat melepaskan diri.

Tuan Syed Omar Shahabudin datang ke Kulim. Beliau ditugaskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra untuk mengawal perbendaharaan kerajaan. Dengan ini semua pegawai kerajaan masih mampu diberi gaji walaupun keadaan yang tidak menentu pada masa itu.

Ketika serangan tentera Jepun, pihak Inggeris yang tidak mampu mengekang kemaraan tentera Jepun yang melancarkan dasar Bumi Hangus. Pada masa itu Kulim telah terpotong

bekalan lampu elektriknya. Semasa keputusan bekalan elektrik itulah Tunku Abdul Rahman Putra dan Syed Omar telah berjaya memindahkan berpeti-peti candu yang berharga beratus-ratus ringgit dari pejabat candu di Kulim dan disimpan dalam perbendaharaan kerajaan.

Tunku Abdul Rahman Putra telah memerintahkan lori-lori mengangkut ubat-ubatan dan perkakas-perkakas dari hospital ke estet-estet. Ini disebabkan banyak hospital yang telah dipecahkan oleh pencuri ubat.

Apabila tentera Jepun masuk ke dalam bandar Alor Setar, mereka telah melantik Tunku Mohamad Jiwa iaitu kekanda Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Pemangku Raja. Namun setelah Tunku Badli Shah pulang ke Alor Setar, Tunku Mohamad Jiwa menyerahkan jawatannya kepada baginda.

Sungguhpun keadaan di Kedah tidak menentu tetapi Tunku Abdul Rahman Putra bukan sahaja dapat mengawal Kulim dengan baik tetapi ajahan Bandar Baharu dan Seberang Perai juga. Masyarakat Melayu di dua buah kawasan itu telah meminta untuk bernaung di bawah pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra kerana takut ancaman tentera Jepun. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra telah menubuhkan jawatankuasa dan menyusun pekerjaan mereka masing-masing supaya dapat hidup dengan lebih aman dan terjamin.

DUNIA POLITIK

Penglibatan Di Peringkat Awal

Menjelang tahun 1950, Dato' Onn Jaafar presiden UMNO yang pertama cuba menarik perhatian masyarakat Melayu apabila ingin menjadikan UMNO sebagai sebuah parti yang berbilang kaum. Cadangan itu telah mendapat bantahan daripada masyarakat Melayu keseluruhannya. Ini adalah disebabkan masyarakat Melayu percaya sekiranya UMNO dibuka kepada kaum lain, hak-hak keistimewaan yang diperjuangkan akan diberikan juga kepada kaum lain. Oleh itulah cadangan presiden UMNO mendapat tentangan.

Pada akhir tahun 1950, Dato' Onn Jaafar telah menggiatkan usahanya untuk memperkenalkan parti berbilang kaum. Ini adalah untuk mewujudkan integrasi kaum dan sekali gus membuka peluang untuk mendapatkan kemerdekaan negara. Namun begitu idea itu turut ditolak oleh Tun Abdul Razak yang ketika itu menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan anggota Majlis Kerja Tertinggi.

Oleh sebab cadangan itu mendapat tentangan, Dato' Onn Jaafar terpaksa mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan. Keadaan ini memaksa lebih 4 000 ahli UMNO berarak ke rumah Dato' Onn Jaafar dan mendesak supaya beliau tidak meninggalkan UMNO. Akhirnya beliau dapat dipujuk.

Namun begitu sekali lagi Dato' Onn Jaafar mendesak supaya UMNO menerima kaum lain sebagai ahli. Sekali

lagi masyarakat Melayu menolak cadangan itu.

Oleh sebab impian Dato' Onn Jaafar itu tidak tercapai, sekali lagi beliau terpaksa meninggalkan UMNO. Sebagai menyambung kepimpinan beliau, Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik sebagai pengganti. Ini adalah bertepatan memandangkan Tunku Abdul Rahman Putra adalah seorang pemimpin yang berkarisma dan mampu menerajui UMNO yang menjadi parti unggul di Tanah Melayu pada masa itu.

Presiden UMNO Kedua, 1951

Pada tahun 1951, UMNO telah mengorak langkah dengan memasuki era baru apabila melantik Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Presiden UMNO yang kedua menggantikan Dato' Onn Jaafar. Perlantikan ini dibuat semasa persidangan agung UMNO yang keenam yang diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 26 Ogos 1951.

Dato' Onn Jaafar, pengasas UMNO dengan rela hati meletakkan jawatan sebagai presiden parti yang telah dipegangnya selama lima tahun. Polisi Dato' Onn Jaafar tentang undang-undang kerakyatan dan membuka keahlian UMNO kepada semua kaum asing telah menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu. Penentangan inilah yang menyebabkan beliau meletakkan jawatan.

Selepas Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan, UMNO memerlukan pengganti. Oleh itu ahli-ahli UMNO telah meminta Tunku Abdul Rahman Putra bertanding sebagai jawatan presiden. Per-

mintaan ahli-ahli UMNO dipersetujui dan Tunku Abdul Rahman Putra ditentang oleh dua orang tokoh lama yang terkenal iaitu Encik C.M. Yusoff dan Tuan Haji Ahmad Fuad.

Tunku Abdul Rahman Putra berjaya dalam pertandingan itu dan beliau dilantik menjadi presiden parti UMNO. Dalam ucapannya, Tunku Abdul Rahman Putra akan berusaha untuk memastikan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Dato' Onn Jaafar.

Pada masa itu hanya 12 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pertandingan itu Dato' Onn Jaafar telah cuba meraih ramai undi dengan menyatakan tujuan Parti Kemerdekaan Malaya ditubuhkan. Walaupun pada peringkat awal penubuhan mendapat sambutan, namun kian berkurangan. Ini ekoran daripada gabungan UMNO dan MCA di Selangor.

Dalam pilihan raya bandaran yang pertama kali diadakan melibatkan



Tunku Abdul Rahman Putra bermesyuarat dengan rakan-rakan seperjuangannya

Pilihan Raya 1952

Pilihan raya pada tahun 1952 telah menyaksikan gabungan UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra dan MCA di Selangor. Gabungan ini dilakukan adalah untuk menghadapi Parti Kemerdekaan Malaya pimpinan

pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Dalam pilihan raya itu Perikatan telah berjaya memenangi sembilan kerusi, Parti Kemerdekaan dua kerusi dan calon bebas satu kerusi.

Dengan kemenangan ini, telah membuka lembaran baru untuk UMNO bergabung dengan MCA pada masa akan datang. Gabungan yang lebih dikenali Perikatan itu mendapat restu Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Presiden UMNO.

Manifesto Perikatan Dalam Pilihan Raya 1955

Sememangnya banyak cabaran yang terpaksa dilalui oleh Tunku Abdul Rahman Putra untuk memastikan kemerdekaan. Ini disebabkan banyak parti pembangkang yang cuba menggagalkan usahanya untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Sungguhpun demikian Tunku Abdul Rahman Putra tetap memberi keyakinan kepada penduduk Tanah Melayu tentang usaha yang dijalankan oleh Perikatan.

Bagi tujuan itu Tunku Abdul Rahman Putra telah menggariskan beberapa manifesto dalam pilihan raya 1955 untuk meyakinkan rakyat.

Antara manifesto yang telah digariskan ialah:

- a) Pengampunan umum bagi penganan (terutama ahli-ahli PKM).
- b) Perlantikan sebuah Suruhanjaya Bebas bagi menyemak dan memulihkan Perlembagaan.
- c) Tuntutan bagi mengadakan dua Dewan Perundangan.
- d) Pemulihan tanah dengan memberi bantuan kewangan kepada kaum tani melalui Bank Tanah.
- e) Membuka lebih banyak lagi kawasan tanah pertanian yang memajukan rancangan Penanaman Semula Getah.
- f) Peruntukan bagi kemudahan pendidikan yang lebih baik bagi kanak-kanak dan mendirikan sekolah-sekolah kebangsaan.
- g) Memberi lebih banyak bantuan kepada kaum nelayan.
- h) Melaksanakan rancangan pembangunan yang besar di bandar-bandar dan kawasan luar bandar.

- i) Menggalakkan perniagaan tempatan, menarik modal asing dan menambahkan pinjaman tempatan bagi membiayai projek-projek baharu.
- j) Mengadakan perumahan yang lebih murah bagi kumpulan pekerja yang berpendapatan rendah.
- k) Memperbaiki keadaan kaum tani.
- l) Mengadakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan mendirikan lebih banyak rumah sakit.

Selain itu, Perikatan juga menyarankan supaya beberapa langkah dijalankan untuk menghapuskan kuasa pembatal yang dimiliki Pesuruhjaya Tinggi dan Hak Meluluskan oleh Raja-raja Melayu sebelum Rang Undang-undang dibentangkan di Dewan Perundangan.

Pada Ogos 1955, Perikatan telah memutuskan untuk membuat rayuan supaya satu langkah diambil dalam usaha memulihkan Perlembagaan Persekutuan supaya diberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Setiausaha Tanah Jajahan. Rayuan itu diterima dengan syarat, Perikatan harus memutuskan dalam usaha melantik para menteri yang akan menganggotai kabinet yang baru kelak. Keadaan ini amat mengembirakan Tunku Abdul Rahman Putra dan para pengikutnya.

Ketua Menteri

Ketika pilihan raya umum di peringkat persekutuan yang pertama kali diadakan pada tahun 1955, Perikatan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra telah mendapat kejayaan yang

mengagumkan. Perikatan telah memperoleh 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Ini membolehkan Perikatan membentuk kabinet yang pertama di Tanah Melayu.

Pada 31 Julai 1955, Tunku Abdul Rahman Putra telah mengunjungi Donald Mac Gallivary di *Kings House*. Kunjungan tersebut dilakukan untuk membincangkan perantikan menteri-menteri dalam kabinet yang ingin diwujudkan. Semanganya pertemuan tersebut sangat bersejarah kerana dalam pertemuan-pertemuan selanjutnya, Mac Gallivary tidak lagi berperanan sebagai orang yang memimpin Tunku Abdul Rahman Putra, tetapi sekadar penasihat sahaja.

Sebagai seorang pemimpin Perikatan, Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri. Sehubungan itu, beliau memberi jaminan akan menyentuh perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Persekutuan. Kabinet Tunku Abdul Rahman Putra dianggotai oleh mereka yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi sahaja. Beliau berjanji akan menunaikan segala janji yang dibuat dalam manifesto semasa berkempen untuk menghadapi pilihan raya Persekutuan yang pertama.

Ahli-ahli kabinet yang dibentuk terdiri daripada Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pelajaran, Tun Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman sebagai Menteri Tanah dan Galian, Colonel H.S. Le sebagai Menteri Pengangkutan dan kemudian dilantik menjadi Menteri Kewangan.

Pada 9 Ogos 1955, Tunku Abdul Rahman Putra telah berucap pertama kalinya sebagai Ketua Menteri kepada penduduk Tanah

Melayu menerusi Radio Malaya. Ucapan tersebut telah membuktikan ketegasan untuk terus berjuang sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selain itu Tunku Abdul Rahman Putra turut menekankan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Selain itu, Tunku Abdul Rahman Putra juga akan mengkaji semula Ordinan Pendidikan tahun 1952. Sekolah kebangsaan yang wujud pada masa itu didapati tidak begitu popular. Oleh itu sistem pendidikan kebangsaan lain dikaji supaya memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat.

Bagi kanak-kanak yang tidak mampu bersekolah akan ditempatkan di suatu tempat khas. Kerajaan bertanggungjawab mengkaji keadaan sekolah-sekolah agama. Cadangan dibuat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Negara Tanah Melayu yang merdeka. Oleh itu kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa secepat mungkin untuk mencari jalan mencapai matlamat tersebut.

Tunku Abdul Rahman Putra juga memberi lebih perhatian kepada keadaan golongan buruh terutama yang berkaitan dengan persekitaran, kemudahan pendidikan untuk anak-anak buruh yang telah diabaikan dan sebagainya.

Portfolio Sumber Alam memberi perhatian kepada polisi tanah seperti yang telah digariskan dalam manifesto Perikatan. Kerajaan menimbangkan pembentukan jawatankuasa untuk menguatkuasakan skim petempatan.

Jawatankuasa itu bukan hanya membangunkan tanah atau kawasan baharu tetapi turut memajukan lagi kawasan yang telah dimajukan. Pelaksanaan perlu seimbang terutama dalam

aspek pengasingan tanah mengikut unit-unit ekonomi, mendirikan kemudahan-kemudahan pemasaran dan pemprosesan serta membekalkan elektrik dan air paip.

Usaha digiatkan juga untuk mendirikan kawasan simpanan Melayu di kawasan bandar supaya mereka berpeluang menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Kawasan simpanan untuk masyarakat Melayu di desa-desa pula bertujuan dibangunkan supaya masyarakat Melayu dapat pulangan ekonomi hasil penat lelah mereka.

Kerajaan turut menggariskan program intensif perubatan, kesihatan dan kebajikan sosial. Rancangan tetap dilaksanakan walaupun sumber-sumber kewangan yang terhad. Justeru itu pelaksanaan dibuat mengikut keutamaan terutama hal-hal kesihatan dan kebajikan masyarakat di kawasan luar bandar.

Masyarakat Melayu digalakkan terlibat dalam bidang industri. Polisi

Sumber Alam akan bekerjasama dengan Menteri Pertanian.

Kerajaan menyedari terdapat beratus-ratus ribu penduduk kawasan luar bandar. Kebanyakan kawasan kampung yang terletak jauh dari pejabat pos. Oleh itu pihak kerajaan perlu memastikan keperluan-keperluan tersebut dan mengambil tindakan yang memerlukan perancangan jangka panjang.

Pembentukan Kabinet Pertama, 1955

Keputusan pilihan raya 1955 jelas menunjukkan kemenangan yang cemerlang bagi pihak Perikatan. Daripada 52 kerusi yang dipertandingkan, seramai 51 kerusi telah dimenangi oleh calon Perikatan. Calon Perikatan yang kalah iaitu Haji Sulaiman Palestin dengan mendapat undian sebanyak 8 235 ke tangan calon PAS iaitu Tuan Haji Ahmad bin Haji Hussain dengan mendapat 8 685 undi.

Berdasarkan pada undian yang dilakukan, Perikatan telah memperoleh sebanyak 79.63% daripada keseluruhan undi terkumpul di dalam pilihan raya berbanding dengan 7.68 Parti Negara dan 3.98 parti PAS.

Pada 31 Julai 1955, Tunku Abdul Rahman Putra telah dijemput oleh Sir Donald Mac Gullivray untuk membentuk sebuah jemaah menteri atau kabinet. Sebelum perlantikan menteri kabinet, Tunku Abdul Rahman Putra telah berbincang dengan Tun Tan Cheng Lock ter-



Kabinet pertama Tunku selepas merdeka mengadakan mesyuarat pada 10.9.1957

ini diluluskan Majlis Perundangan Persekutuan. Tunku Abdul Rahman Putra turut mencadangkan supaya perhatian diberi kepada petempatan semula peserta polis khas, permohonan pinjaman dari RIDA. Oleh itu Menteri

lebih dahulu. Dalam perbincangan itu senarai nama jemaah menteri telah digariskan.

Susunan Jemaah Menteri yang dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris itu ialah:

Ketua Menteri:

Tunku Abdul Rahman Putra

Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri:

Tunku Abdul Rahman Putra

Timbalan Ketua Menteri:

Encik Bahaman bin
Shamsuddin

Menteri Pelajaran:

Tun Abdul Razak

Timbalan Menteri Pelajaran:

Encik Too Joon Hing

Menteri Hasil Bumi:

Tun Dr. Ismail Dato' Abdullah

Menteri Pengangkutan:

Tun Kolonel H.S. Lee

Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan:

Encik Abdul Aziz Ishak

**Timbalan Menteri Pertanian,
Perhutanan dan Perikanan:**

Encik Mohd Khir Johari

Menteri Kesihatan:

Tun Leong Yew Koh

Timbalan Menteri Kesihatan:

Encik Abdul Rahman Talib

Menteri Buruh:

V.T. Sambanthan

Timbalan Menteri Buruh:

Encik Khalid bin Awang Othman

Menteri Kerja Raya:

Tun Sardon Haji Jubir

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Dato' Sulaiman Haji Abdul Rahman

Menteri Perhubungan Pos dan Telekom:

Datuk Ong Yoke Lin

Kesemua nama jemaah menteri ini diumumkan dengan rasminya oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald Mac Galloway setelah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu.

KEAMANAN NEGARA Rundingan Baling

Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan iaitu Lennox Boyd tiba di Kuala Lumpur dalam rangka lawatan beliau ke Asia Tenggara. Kesempatan ini diambil oleh Tunku Abdul Rahman Putra berjumpa dengan beliau untuk membincangkan tentang kemerdekaan Tanah Melayu.

Lennox Boyd menyatakan kemerdekaan Tanah Melayu hanya akan dicapai sekiranya Darurat ditamatkan. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra masuk menghadap Raja-raja Melayu supaya bersatu memperjuangkan kemerdekaan. Perhatian harus dijuruskan untuk mengakhiri Darurat, memandangkan hanya melalui kemerdekaan sahaja yang dapat direalisasikan.

Sepasukan Tentera Udara dikerah menggugurkan 40 juta risalah kepada penganas komunis yang bersembunyi di dalam hutan. Risalah itu menyatakan bahawa sekiranya pihak komunis menyerah diri, mereka tidak akan didakwa. Sebaliknya jika mereka menyerah diri tetapi tidak mahu meninggalkan ideologi komunis yang dipegang akan ditahan dan dihantar pulang ke Negara China. Tindakan menggugurkan risalah itu mendapat reaksi daripada pihak komunis.

Tanggal 23 Disember 1955, sepucuk surat telah dikirimkan oleh PKM kepada Tunku Abdul Rahman Putra. Surat tersebut meminta satu perjumpaan diadakan antara wakil kerajaan

Tanggal 12 October, 1957.

Yang Berhormat Perdana Menteri,
Persekutuan Tanah Melayu.

Dengan hormatnya saya maa'loamkan bahawa saya bersedia berunding samula dengan Tengku untuk mencapai suatu persetujuan yang a'dil dan menasabah bagi menamatkan peperangan.

Dalam hal ini, agar perundingan kita pada kali ini dapat mencapai persetujuan dengan lunaknya, maka saya menhadangkan hendaknya diadakan terlebih dahulu pertemuan pendahuluan diantara wakil2 dari pihak saya dengan pihak Tengku.

Sekianlah terimakasih.

Yang benar,

(Chen Ping)

Setiausaha Agung,
Party komunis Malaya.

Surat yang dihantar oleh Chin Ping kepada Tunku Abdul Rahman

dengan beliau sendiri pada keesokan harinya. Sebelum itu pihak komunis mencadangkan supaya gencatan senjata diadakan dalam usaha menyelesaikan masalah yang sedia ada.

Surat daripada pihak komunis itu juga memberitahu bahawa seorang wakil PKM akan dihantar ke ibu pejabat Perikatan untuk mengatur perjumpaan antara Chin Ping dengan Tunku Abdul Rahman Putra serta Tun Tan Cheng Lock.

Tunku Abdul Rahman Putra menyerahkan satu salinan tersebut kepada pihak Polis Cawangan Khas. Perbincangan dibuat dengan Donald Mac Gallivary dan beberapa orang pemimpin Perikatan untuk menetapkan tarikhnya.

Chin Ping juga mahu Tunku Abdul Rahman Putra memberi jaminan tentang keselamatan perwakilan komunis menerusi radio. Tunku Abdul Rahman Putra ber-setuju dan jaminan itu disiarkan melalui radio pada hari itu juga.

Pada 24 Disember satu perjumpaan diadakan di Baling, Kedah. Wakil kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra dan turut disertai oleh Tun Tan Cheng Lock selaku Presiden MCA dan David Marshall selaku Ketua Menteri Singapura. Pihak PKM pula diwakili oleh Chin Ping sebagai ketua perwakilan, Rashid Maidin dan Chen Tian. Tiga siri pertemuan telah diadakan dalam tempoh masa dua hari itu.

Rundingan ini diatur dengan baik dan pertemuan rahsia di Baling dikenali sebagai "*Operasi Rink Gun*". Ketika Chin Ping keluar dari hutan, beliau dikawal ketat. Gencatan senjata yang telah diisytiharkan dan penarikan balik pasukan keselamatan yang mengawal telah mengurangkan perasaan bimbang pihak komunis.

John Davis yang pernah memimpin pasukan Force 136, telah menjemput Chin Ping. Mereka saling mengenali kerana pernah bekerjasama menentang tentera Jepun suatu

ketika dahulu.

Perundingan diadakan di sebuah sekolah yang baru dibina di Baling. Sebaik sahaja berada di pekarangan sekolah, Chin Ping dan rakan-rakannya yang lain dibawa ke rumah tempat mereka menginap selama berada di Baling untuk rundingan.

Pertemuan pada 28 Disember 1955 bermula jam dua setengah petang. Pada awal pertemuan itu, Chin Ping memberitahu kedatangannya bukan untuk bertengkar tentang soal ideologi, tetapi kedamaian yang diharapkan.

Dalam rundingan tersebut, Tunku Abdul Rahman Putra menyatakan bahawa antara mereka mempunyai matlamat yang sama tetapi cara yang berbeza. Chin Ping ingin mencapai matlamatnya dengan jalan kekerasan dan kekejaman, manakala Tunku Abdul Rahman Putra lebih suka dengan cara diplomasi.



Perarakan antikomunis yang diadakan di seluruh negara yang diketuai Tunku Abdul Rahman

Sungguhpun demikian Tunku Abdul Rahman Putra menyatakan kesanggupan bekerjasama sekiranya PKM menerima syarat-syarat penyerahan diri dan turut serta dalam pergerakan politik dengan cara perlembagaan.

Tunku Abdul Rahman Putra memberi cadangan kepada Chin Ping supaya meletak senjata sebaik sahaja beliau menjadi Menteri Pertahanan dan mengawal sepenuhnya gerakan Darurat.

David Marshall turut mencadangkan Chin Ping dan ahli-ahli PKM meletak senjata kerana Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan. Chin Ping hanya menjawab dengan me-nyatakan ketidakyakinan terhadap British memberi kemerdekaan. PKM akan segera meletak senjata sekiranya Tunku Abdul Rahman Putra pergi ke London dan pulang mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Permintaan Chin Ping supaya PKM mendapat pengiktirafan telah ditolak oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Penolakan tersebut telah menyebabkan kebuntuan rundingan untuk seketika.

Walaupun rundingan berjalan selama dua hari, Chin Peng tidak ber-setuju dengan syarat-syarat perjumpaan yang dikenakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Ini disebabkan beliau menafikan persamaan taraf antara mereka dengan rakyat yang lain.

Kebanyakan rakyat di Tanah Melayu, khususnya masyarakat Melayu menganggap PKM adalah kuasa asing yang merosakkan negara ini. Ini disebabkan ahli-ahlinya memberi kesetiaan kepada negara lain, bukannya Tanah Melayu.

Rundingan ditamatkan pada

29 Disember 1955. Dalam rundingan itu Chin Ping bersetuju apabila sebuah kerajaan persekutuan dipilih sebagai menerajui Tanah Melayu, PKM akan meletak senjata dan membubar PKM. Bagaimanapun persetujuan tersebut tidak bermakna PKM menerima syarat-syarat pengampunan yang diberikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra kepada PKM.

Sebaik sahaja berada di Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman Putra



Darurat diumumkan oleh Tunku dalam sidang wartawan

mengumumkan keputusan menarik balik tawaran pengampunan yang dinyatakan berkuatkuasa mulai 8 Februari 1956. Beliau juga mengarahkan ibu pejabat UMNO dan MCA supaya mengadakan tunjuk perasaan bertujuan memaksa komunis melucutkan senjata.

Tunjuk perasaan itu mendapat reaksi yang positif daripada pihak komunis. Ramai ahli PKM yang keluar dari hutan dan menyerah diri. Kebanyakan ahli PKM keluar

untuk menyahut seruan Tunku Abdul Rahman Putra itu. Hanya para pegawai PKM yang tidak menyetujui seruan tersebut dan terus berjuang menentang kerajaan. Sepanjang penglibatan komunis di Tanah Melayu sehingga tahun 1960, seramai 6 710 orang komunis telah terbunuh, 1 286 ditawan, 2 819 cedera dan 2 702 menyerah diri dalam pem-

Darurat. Hal ini akan menjadi kenyataan apabila Parti Komunis Malaya meletak senjata. Sehubungan itu, Tunku Abdul Rahman Putra melantik dirinya sebagai Menteri Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri setelah dua minggu kembali dari London.

Malangnya PKM tetap meneruskan perjuangan mereka, walaupun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Di samping itu, sebelum Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra terpaksa menghadapi masalah kewarganegaraan kaum-kaum pendatang. Pada masa itu rakyat daripada pelbagai peringkat sedang heboh memperkatakan tentang jus soli. Masalah jus soli timbul sejak tahun 1946 lagi iaitu ketika orang Melayu dalam UMNO menolak penggunaan jus soli sebagai dasar kewarganegaraan Malayan Union.

Dato' Onn Jaafar yang memimpin UMNO berjaya mengekang dasar itu daripada dilaksanakan dalam proses menentukan kelayakan kejayaan Tanah Melayu pada tahun 1949.

Sebuah jawatankuasa perhubungan kaum juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan British untuk mengenangkan jasa dan kerjasama orang Cina dan India dalam menuntut kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman Putra bersedia untuk menerima kembali dasar jus soli yang pernah ditolak oleh UMNO suatu masa dahulu tetapi dengan cara yang terbaik supaya tidak melukakan perasaan masyarakat Melayu.



Pihak polis bertanggungjawab menjaga keamanan negara

berontakan yang berlangsung selama 12 tahun. Sebagai susulan, pada 31 Julai 1960, Sultan Izzuddin Shah, iaitu Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan tamatnya zaman Darurat.

Perlantikan Menteri Pertahanan Dan Keselamatan Dalam Negeri

Perkara utama yang menjadi tumpuan Tunku Abdul Rahman Putra sementara negara belum merdeka ialah menamatkan tempoh

KEMERDEKAAN

Perjanjian Kemerdekaan
Persekutuan Tanah Melayu 1956

Pada 8 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman Putra yang merupakan Ketua Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu telah menandatangani bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian Merdeka ini dimeteraikan di Lancaster, London. Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan Tuan Alan Lennox Boyd, telah menandatangani bagi pihak kerajaan British.

Mengikut perjanjian tersebut, kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu akan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Antara perkara-perkara lain yang tercatat dalam Perjanjian Kemerdekaan ini ialah perubahan-perubahan berkaitan dengan kementerian dan jabatan-jabatan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Penasihat-penasihat British akan dibatalkan dan dengan itu akan berlaku pindaan-pindaan dalam Perjanjian Negeri, Perlembagaan Negeri dan Perjanjian Persekutuan.

Usaha Memerdekaan Tanah Melayu

Dalam usaha mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra lebih banyak mengamalkan sikap tolak ansur dan berkompromi dengan pihak British. Ini disebabkan beliau lebih mengutamakan keamanan dan kesejahteraan bukannya darah dan air mata. Tunku Abdul Rahman Putra

meletakkan kepentingan bangsa dan negara melebihi kepentingan-kepentingan lain.

Golongan Raja-raja Melayu secara sulit mengadakan satu sidang rahsia di Johor Bahru pada bulan September 1955 bagi membincangkan kedudukan mereka setelah Tanah Melayu beroleh kemerdekaan. Kebanyakan daripada mereka bimbang akan kedudukan dan kuasa mereka tergugat. Bagaimanapun mereka tidak dapat menentang arus kemerdekaan yang begitu kuat.

Kemerdekaan bukanlah impian Tunku Abdul Rahman Putra sahaja tetapi impian rakyat secara keseluruhan. Menyedari hakikat ini telah menyebabkan Raja-raja Melayu menyerahkan nasib mereka kepada kerajaan British. Raja-raja Melayu merasakan hak-hak mereka akan tergugat akibat kemerdekaan dan British bertanggungjawab untuk mengekalkan atau memelihara kepentingan mereka.

Oleh sebab Tunku Abdul Rahman juga merupakan sebahagian daripada golongan diraja, beliau menyedari keraguan Raja-raja Melayu. Bagaimanapun, beliau tetap berpegang kepada pendapat bahawa soal politik adalah soal rakyat dan beliau tidak menemui mana-mana raja untuk meredakan kebimbangan mereka.

Pada masa itu Tunku Abdul Rahman Putra sering menyebut tentang pemeliharaan hak-hak Raja Melayu dalam ucapan-ucapan beliau sebelum merdeka. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak membenarkan tugas yang diamanahkan oleh rakyat dihalang oleh Raja-raja Melayu walaupun beliau menyedari kemerdekaan hanya akan

diberi oleh kerajaan British apabila Raja-raja Melayu bersetuju dan sanggup membatalkan perjanjian yang telah ditandatangani oleh mereka dengan kerajaan British.

Sehubungan dengan itu, satu rombongan untuk merundingkan kemerdekaan dihantar ke London. Rundingan tersebut dihadiri oleh empat orang wakil Raja-raja Melayu.

Wakil Perikatan iaitu:

Tunku Abdul Rahman Putra, Tun H.S. Lee dan T.H. Tan.

Wakil Raja-raja Melayu pula ialah: Dato' Panglima Bukit Gantang (Menteri Besar Perak), Abdul Aziz Abdul Majid (Menteri Besar Selangor), Dato' Wan Idris Wan Ibrahim (Timbalan Menteri Besar Johor) dan Dato' Nik Ahmad Nik Kamil (bekas Menteri Besar Kelantan yang di-tugaskan sebagai penasihat undang-undang kepada Raja-raja Melayu).

Separuh perjalanan ke London adalah dengan menaiki kapal sehingga ke Karachi, Pakistan. Dari Karachi,


perjalanan disambung dengan menaiki kapal terbang sehingga ke London.

Sepanjang perjalanan tersebut, segala kemusykilan Raja-raja Melayu diselesaikan. Lebih menarik lagi ialah persetujuan anggota-anggota delegasi berkenaan Perlembagaan Persekutuan yang diterima ketika itu adalah tidak selaras dengan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu serta tidak memenuhi aspirasi rakyat.

Oleh itu satu resolusi dibuat berkaitan dengan ha-hal tersebut. Antaranya menyentuh tentang kedudukan raja-raja dan hubungan negerinegeri Melayu dengan Persekutuan yang memerlukan satu suruhanjaya khas untuk membuat cadangan ke atas perlembagaan pada masa hadapan.

Rundingan dijalankan di Lancaster House dengan Lennox Boyd sebagai wakil kerajaan British. Tunku Abdul Rahman Putra yang tidak mempunyai pengalaman dan latar belakang seperti yang dimiliki oleh Lennox Boyd, berjaya mengemukakan kesnya dengan jujur dan tepat. Hal ini mempengaruhi kejayaan dalam rundingan pusingan pertama.

Perkara yang diperseujui oleh kedua-dua belah pihak ialah tentang langkah-langkah peralihan sebelum kemerdekaan. Misalnya jawatan Ketua Menteri yang bakal dimasukkan sebagai salah satu daripada perkara-perkara dalam perlembagaan serta bidang kuasa Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu yang harus



Semua rakyat dan pemimpin berkumpul untuk mendengar pengisytiharan kemerdekaan

bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif. Oleh itu kuasa eksekutif tertinggi tidak lagi terletak pada tangan Pesuruhjaya Tinggi British sebaliknya berpindah kepada Ketua Menteri yang sudah tentunya dipegang oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Seterusnya Tunku Abdul Rahman Putra memaklumkan bahawa perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu akan diubah selaras dengan kehendak rakyat. Namun begitu, pegawai-pegawai British, terutama bagi mereka yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam yang baharu dalam masa peralihan akan dikekalkan sehingga perundingan yang akan datang dilakukan.

Melayu.

Pada 18 Januari 1956, pukul 10.30 pagi, rundingan yang bersejarah itu diadakan di Lancaster House. Kerajaan Inggeris telah mengumpulkan para pegawai yang mengetahui selok-belok tentang Tanah Melayu untuk berhadapan dengan rombongan Merdeka itu.

Rombongan Merdeka diwakili oleh 10 orang dan terdapat 35 orang pegawai yang mewakili pentadbiran Inggeris, Persekutuan Tanah Melayu, Pejabat Tanah Jajahan, Kementerian Pertahanan, Pejabat Perang, Perbendaharaan dan jabatan-jabatan yang lain. Tunku Abdul Rahman Putra duduk di bahagian tengah yang diapit



Kira-kira 50 000 orang berhimpun di padang Bandar Hilir, Melaka menyambut kepulangan rombongan kemerdekaan dari London pada 20 Februari 1956

Rombongan Merdeka

Rombongan Merdeka dari Tanah Melayu telah selamat tiba di London pada 14 Januari 1956. Pada masa itu rombongan Merdeka itu bersepakat untuk berunding dengan pihak Inggeris bagi menentukan kemerdekaan Tanah

oleh Tun Kol. H.S. Lee, Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail. Selain itu beliau juga diiringi oleh wakil Raja-raja Melayu seperti Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Mohd. Seth dan Encik Abdul Aziz.

Di bahagian belakang mereka pula terdiri daripada setiausaha

seperti Encik Abdul Kadir Shamsuddin bagi pihak Raja-raja Melayu dan Encik T.H. Tan bagi pihak Perikatan. Encik Lennox Boyd, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan berhadapan dengan Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau diapit oleh Menteri Negara British, Encik John Hare dan beberapa orang pegawai kanan.

Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Tanah Melayu, Sir Donald Mac Galloway yang duduk di sisi meja. Selain itu, terdapat Encik David Watherston sebagai Setiausaha Persekutuan, Encik Oscar Spencer, Menteri Ekonomi Persekutuan dan pegawai-pegawai kanan yang lain.

Pada 21 Januari 1956, pejabat Tanah Jajahan mengumumkan rundingan kemerdekaan berjalan dengan lancar. Rundingan yang dimulakan pada pukul 9.00 pagi itu berakhir 5.30 petang setiap hari.

Pada 28 Januari 1956, kerajaan Inggeris telah mengumumkan persetujuan tentang pembentukan Pesuruhjaya Bebas bagi merangka sebuah perlembagaan bagi Tanah Melayu. Oleh itu pada 2 Februari, pihak jawatankuasa telah mengumumkan beberapa petisyen. Antaranya:

- a) Tunku Abdul Rahman Putra akan mengumumkan tarikh kemerdekaan.
- b) Sebuah Kementerian Pertahanan dan Keselamatan akan dibentuk sebagai sebahagian daripada Jabatan Ketua Negeri.
- c)Majlis Perang akan dibentuk dengan dipengerusikan oleh Ketua Menteri. Pengarah Gerakan akan menjadi anggota

majlis ini. Majlis Perang akan bertanggungjawab ke atas dasar tentang hal-ehwal Darurat tetapi semua angkatan tentera tetap di bawah perintah Pengarah Gerakan. Setelah Merdeka, perjanjian Pertahanan bersama akan dirundingkan.

- d) Seorang Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tanah Melayu akan menggantikan yang ada sekarang ini.
- e) Sebuah jawatankuasa Perancangan akan dibentuk di bawah kabinet.
- f) Tanah Melayu akan diwakili dalam Persidangan Menteri-menteri Kewangan Komanwel sebagai anggota penuh, malahan sebelum merdeka lagi.
- g) Dasar bahawa sebuah negara yang merdeka harus mempunyai perkhidmatan awamnya sendiri adalah diakui.

Pada 8 Februari 1956, perjanjian telah ditandatangani. Rundingan itu jelas menunjukkan semangat kemerdekaan yang ada pada segenap lapisan masyarakat di Tanah Melayu tidak boleh disangkal lagi. Oleh itu pihak Inggeris terpaksa memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu supaya tidak akan berlaku sebarang masalah. Selain itu, kemerdekaan akan memastikan nama baik kerajaan Inggeris tidak akan terjejas di mata dunia.

Rundingan Kemerdekaan Pusingan Kedua

Rundingan kemerdekaan pusingan kedua lebih menjurus kepada kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam hal ini, Tunku Abdul Rahman Putra terpaksa membuktikan bahawa rakyat

daripada keturunan Cina dan India juga mahu tarikh kemerdekaan disegerakan. Ini disebabkan kedapatan wakil-wakil British masih mahu melengah-lengahkan kemerdekaan atas alasan mereka hanya memenuhi harapan masyarakat Melayu sahaja.

Sebagai bukti, Tunku Abdul Rahman Putra turut menegaskan bahawa Perikatan telah mendapat sebanyak 51 daripada 52 kerusi Dewan Perundangan. Masyarakat berbilang kaum pula telah bersatu dan Raja-raja Melayu menerima kemerdekaan serta perlembagaan baharu tanpa ragu-ragu.

Pihak British teragak-agak untuk memberi satu tarikh untuk kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra dengan tegas memberitahu bahawa rombongan kemerdekaan tidak akan pulang selagi pihak British tidak menetapkan tarikh kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Akhirnya pihak British terpaksa beralah dan menetapkan 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan Tanah Melayu.

Rundingan kemerdekaan yang dicapai oleh Tunku Abdul Rahman Putra bukanlah satu perkara yang mudah. Ini disebabkan sebaik sahaja beliau mendesak atau meminta sesuatu yang boleh menggugat kepentingan British, Lennox Boyd cuba mengelak. Bagaimanapun dengan kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman Putra, persoalan yang timbul dapat diselesaikan.

Rombongan Merdeka akhirnya pulang dengan penuh kemenangan. Rombongan itu telah disambut dengan jutaan harapan. Bandar Hilir Melaka adalah tempat untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan. Ini adalah untuk memberi penghormatan terhadap lahirnya hulubalang Melaka yang terbilang iaitu Hang Tuah.

Rombongan Merdeka pula terdiri

daripada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada Tun Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Mohd Seth, Encik T.H. Tan dan Encik Abdul Kadir Shamsudin. Kumpulan kedua pula terdiri daripada Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Dato' Nik Ahmad Kamil, Encik Abdul Aziz Ishak dan Tun Kol. H.S. Lee.

Rombongan yang diketuai Tunku Abdul Rahman Putra itu meninggalkan London pada 16 Februari 1956 dan singgah sementara di Mesir. Pada 18 Februari barulah rombongan itu tiba di Singapura dan kemudian menuju Melaka. Pada 20 Februari, Tunku Abdul Rahman Putra dan rombongan tiba di Melaka.

Ketibaan rombongan itu disambut oleh 100 000 rakyat yang inginkan kemerdekaan. Di padang Bandar Hilir Melaka itulah Tunku Abdul Rahman Putra akan mengumumkan tarikh kemerdekaan kepada semua rakyat jelata tanpa mengira kaum dan agama. Surat pengisytiharan itu telah ditandatangani oleh beberapa pemimpin kanan Perikatan sebagai memuktikan Tanah Melayu akan terhindar daripada cengkaman penjajah.

Pengisytiharan Kemerdekaan 1957

Seminggu sebelum 'Hari Kemerdekaan' wakil-wakil daripada media asing tertumpu ke Kuala Lumpur. Orang kenamaan dari luar negara juga bertumpu di Kuala Lumpur. Selain ingin

menyaksikan upacara kemerdekaan, mereka turut mengagak akan berlaku perpaduan antara kaum Melayu dengan orang Cina. Sangkaan ini ternyata meleset kerana rakyat Tanah Melayu berada dalam situasi yang harmoni.

Pada malam 30 Ogos 1957, suasana di Padang Kelab Selangor menjadi hangat dengan ribuan ahli UMNO dan orang ramai. Di situlah dijalankan upacara menurunkan bendera Union Jack dan diganti bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Kemudian pada pukul 9.30 pagi, 31 Ogos 1957, bermula dengan nama Allah dan segala pujiNya serta selawat dan salam ke atas rasul, Tunku Abdul Rahman Putra Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama telah membacakan Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur di hadapan dua puluh ribu rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Raja-raja serta perwakilan dari tiga puluh negara Komanwel dan negara-negara asing yang lain.

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu adalah berdasarkan kepada perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 yang dimeteraikan antara D.Y.M.M Queen Elizabeth dengan D.Y.M.M Raja-raja Melayu.

Mengikut perjanjian itu mulai 31 Ogos 1957, negeri-negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau

Pinang telah menjadi sebuah persekutuan yang dipanggil Persekutuan Tanah Melayu.

Pada akhir pengisytiharan itu, Tunku Abdul Rahman Putra telah meneriakkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali dan disambut dengan gemuruh oleh rakyat. Serentak dengan itu bendera Persekutuan Tanah Melayu pun dinaikkan dengan diiringi oleh lagu Negaraku diikuti pula dengan seruan azan dan tembakan meriam seratus satu das.

Sesungguhnya hari tersebut bukan hanya kejayaan rakyat, tetapi juga kejayaan Tunku Abdul Rahman Putra secara peribadi. Beliau adalah wira yang berjaya menurunkan bendera Union Jack yang telah berkibar selama 170 tahun di bumi tercinta ini.

Laungan kemerdekaan oleh Tunku sebagai membuktikan kedaulatan negara



Kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan

Berikut adalah petikan kandungan kemerdekaan yang dibacakan oleh Tunku Abdul Rahman.

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihani. Segala puji yang Maha Berkuasa dan salam ke atas sekalian rasul-Nya."

Bahawasanya, oleh kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ingin mencapai taraf satu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia.

Dan bahawasanya, oleh kerana dengan perjanjian yang disebut hanya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 yang diperbuat antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri Melayu, maka telah dipersetujui bahawa Negeri-negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak serta negeri yang dahulu dinamakan Negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang mulai daripada 31 Ogos 1957, hendaklah jadi sebuah Persekutuan baru lagi negeri yang bernama Persekutuan Tanah Melayu.

Dan bahawasanya, oleh kerana telah bersetuju pula di antara kedua-dua pihak dalam perjanjian yang tersebut iaitu Melaka dan Pulau Pinang hendaklah daripada tarikh yang disebut itu tamat daripada menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Baginda Queen dan DYMM Baginda Queen tidak lagi berhak menjalankan apa-apa jua kedaulatan Baginda di atas kedua-dua negara tersebut.

Dan bahawasanya, oleh kerana telah bersetuju pula di antara kedua-dua pihak yang tersebut iaitu Perjanjian Persekutuan



Surat Pemasyhuran Kemerdekaan

Tanah Melayu tahun 1948 dan segala perjanjian-perjanjian lain yang ada sekarang di antara DYMM Baginda Queen dan DYMM Raja-raja, ataupun salah seorang daripada Baginda-baginda itu sebelum tarikh yang dapat, hendaklah dibatalkan mulai tarikh itu semua kuatkuasa-kuatkuasa dan hak-hak DYMM Baginda Queen ataupun Parlimen Negeri United Kingdom dalam negeri-negeri Selat yang tersebut itu atau yang berhubungan dengannya atau Negeri-negeri Melayu atau Persekutuan Tanah Melayu seluruh adalah tamat dengan sendirinya.

Dan bahawasanya, oleh kerana DYMM Baginda Queen, DYMM raja-raja Melayu, Parlimen Negeri United Kingdom dan Majlis-majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 itu berjalan kuatkuasanya.

Dan bahawasanya, oleh kerana Perlembagaan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditentukan menjadi satu kamun yang muktamad baginya.

Dan bahawasanya, oleh kerana Perlembagaan Persekutuan yang tersebut itu maka ada disediakan syarat untuk menjaga keselamatan hak-hak dan ketutamaan DYMM Raja-raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan untuk memajukan Persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai serta teratur sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan yang berdasarkan demokrasi cara berparlimen.

Dan bahawasanya, oleh kerana Perlembagaan Persekutuan yang tersebut itu telah diluluskan oleh suatu undang-undang yang diadakan oleh Majlis Undangan Persekutuan serta dengan undang-undang yang diadakan oleh Negeri-negeri Melayu dan dengan ketetapan-ketetapan di dalam Majlis Undangan Negeri Melaka dan Pulau

Pinang dengan demikian perlembagaan itu telah berjalan kuatkuasanya pada 31 Ogos 1957.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya Tunku Abdul Rahman Putra Ibn Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Perdana Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu dengan persekutuan dan perkenan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri-negeri Melayu dengan ini memasyurkan dan mengisytiharkan bagi umat Persekutuan Tanah Melayu bahawa mulai daripada 31 Ogos 1957, maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi di dalamnya negeri-negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah S.W.T akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa.

SELEPAS KEMERDEKAAN Pilihan Raya 1959

Pilihan raya yang diadakan pada tahun 1959 merupakan satu perkembangan penting dalam sejarah negara kerana pilihan raya ini diadakan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Bagi memastikan Perikatan masih mendapat tempat di kalangan rakyat Tanah Melayu, sebanyak 104 perwakilan akan dilantik untuk mewakili rakyat Tanah Melayu.

Parti yang memenangi dalam pilihan raya ini akan diberi mandat untuk memerintah selama lima tahun. Oleh itu adalah wajar untuk Tunku Abdul Rahman Putra mengatur strategi supaya Perikatan mendapat kemenangan yang besar seperti tahun 1955.

Perikatan telah mencalonkan sebanyak 104 orang calon. Calon-calon ini akan ditentang oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) yang meletakkan 58 orang calon, Parti Negara 9 orang calon, Front Socialist seramai 37 orang calon, Parti Progresif Rakyat 19 orang calon dan 29 orang calon bebas.

Oleh sebab Perikatan yang telah memerintah sejak tahun 1955 telah menunjukkan prestasi yang membanggakan, Perikatan telah mendapat kemenangan seperti yang diharapkan. Perikatan telah memenangi 73 buah kerusi dalam pilihan raya yang dijalankan pada 19 Ogos 1959. PAS mendapat 13 kerusi, Front Socialist mendapat 8 kerusi, Parti Progresif Rakyat mendapat 4 kerusi, Parti Negara 1 kerusi

dan parti bebas sebanyak 3 kerusi.

Sungguhpun terdapat penurunan dari segi peratusan atau sokongan rakyat terhadap Perikatan, namun Tunku Abdul Rahman Putra masih lagi mengekalkan kekuasaannya untuk membentuk kabinet yang baru seperti berikut:-

Perdana Menteri:

Tunku Abdul Rahman Putra

Penolong Perdana Menteri

(Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio):

Tuan Syed Jaafar Albar

Timbalan Perdana Menteri

(Menteri Pertahanan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar):

Tun Abdul Razak

Penolongnya:

Tuan Haji Khalid

Menteri Kewangan:

Tun Tan Siew Sin

Menteri Keadilan:

Tun Leong Yew Koh

Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom:

V.T. Sambanthan

Menteri Dalam Negeri:

Dato' Sulaiman Haji Abdul Rahman

Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama:

Encik Abdul Aziz Ishak

Menteri Pengangkutan :

Tun Sardon Haji Jubir

Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat:

Dato' Ong Yoke Lin

Menteri Pelajaran:

Encik Mohd. Khir Johari

Timbalan Menteri Pelajaran:

Kapten Adul Hamid Khan

Menteri Buruh:

Encik Bahaman Shamsuddin

Timbalan Menteri Buruh:

Encik V. Manickavasagam

Menteri Perdagangan dan

Perusahaan:

Encik Abdul Rahman Haji Talib

Timbalan Menteri Perdagangan dan

Perusahaan:

Encik Cheah Tiem Siew

Penubuhan Malaysia

Singapura telah mencapai kemajuan perlembagaan secara berperingkat bermula tahun 1955 hingga 1959. Di

Pada tahun 1958, Singapura telah diberikan perlembagaan baru yang diberi memerintah sendiri kecuali dalam bidang pertahanan dan hubungan luar negara. Dengan itu Singapura diketuai oleh seorang Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Yang DiPertua Negeri.

Dalam pilihan raya pada tahun 1959, parti *People's Action Party* atau PAP yang diketuai oleh Lee Kuan Yew telah mendapat 43 kerusi daripada 51 kerusi yang dipertandingkan. Dengan ini Lee Kuan Yew dilantik menjadi Perdana Menteri.

Sebagai seorang pemimpin, Lee Kuan Yew juga ingin memastikan



Tunku bersama ahli-ahli kabinet yang lain

bawah peruntukan *Singapore Colony Order in Council (1955)*, Singapura telah mencapai status pemerintahan sendiri. Menyedari bahawa Singapura tidak akan dapat berdiri dengan sendirinya, parti-parti utama di Singapura berhasrat untuk bergabung dengan Tanah Melayu.

Singapura terlepas daripada belenggu penjajah. Lee Kuan Yew sedar bahawa kerajaan British tidak akan memberi kemerdekaan walaupun Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Ini disebabkan kerajaan British ingin memastikan Singapura menjadi wilayah yang menguntungkan bagi pihaknya.

Lee Kuan Yew juga sedar sekiranya

Singapura tidak dimerdekakan, ekonomi Singapura tidak akan meningkat. Bahkan amat berbahaya jika segala keuntungan negara itu dikaut oleh penjajah.

Sungguhpun demikian, kebanyakan para pemimpin di Tanah Melayu tidak bersetuju sekiranya Singapura bergabung dengan Tanah Melayu. Ini disebabkan jumlah penduduk Cina yang ramai berbanding masyarakat Melayu. Ini bermakna apabila gabungan dilakukan penduduk bukan Melayu lebih ramai daripada penduduk Melayu. Keadaan ini akan menimbulkan keresahan di kalangan pemimpin UMNO.

Kedudukan Singapura terancam apabila pemimpin daripada parti berhaluan kiri memenangi pilihan raya kawasan kecil Hong Lim dan Anson. Keadaan ini telah menakutkan pihak PAP dan kerajaan Bristish. Ini disebabkan parti berhaluan kiri amat cenderung dengan fahaman komunis.

Bagi mengekang masalah ini kerajaan British telah membuat congakan. Sekiranya pilihan raya diadakan pada pertengahan tahun 1963, kemungkinan golongan berhaluan kiri akan dapat berkuasa.

Oleh itu Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur iaitu Geoffey Tory meyakinkan Tunku Abdul Rahman Putra supaya percantuman dilakukan untuk mengelakkan fahaman komunis. Tory juga berpendapat sekiranya parti fahaman kiri menang di Singapura, bermakna pengaruh komunis juga mungkin menular ke Tanah Melayu.

Ini disebabkan pemimpin berhaluan kiri pimpinan Lim Chin Siong berpendapat bahawa sekiranya PAP kalah dalam pilihan raya kelak, parti berhaluan kiri akan mengambil alih kerajaan

dan menubuhkan kerajaan baru. Inilah yang pernah disampaikan oleh Lim kepada Lord Selkirk iaitu Pesuruhjaya Tinggi. Bagi menangani masalah ini, percantuman adalah perlu untuk memastikan parti berhaluan kiri tidak akan mencapai kemenangan pada pilihan raya akan datang.

Cadangan Tory telah diterima oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Tunku Abdul Rahman Putra memanggil Lee Kuan Yew untuk berbincang mengenai masa hadapan Singapura pada 23 April 1961. Selain Tunku Abdul Rahman Putra dan Lee, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan juga Goh Keng Swee, Menteri Kewangan Singapura turut hadir.

Tunku Abdul Rahman Putra bersetuju percantuman itu dilakukan tetapi harus juga mengambil kira dengan wilayah Borneo seperti Sabah, Sarawak dan Brunei. Oleh itu beliau menyuruh Lee supaya menulis satu surat yang mengatakan gabungan itu harus di bentuk sebagai satu gagasan.

Surat itu diteliti oleh Tunku Abdul Rahman Putra dan para penasihatnya. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman Putra telah mengemukakan satu gagasan Malaysia dalam ucapannya di Kelab Wartawan di Singapura.

Pada 26 Jun 1961 telah mengemukakan satu memorandum kepada Perdana Menteri Britirish, Harold MacMillan. Memorandum itu mengandungi kaedah bagaimana mengintergrasikan wilayah Borneo Utara dan Singapura dengan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan supaya Borneo Utara dan Singapura mempunyai hak seperti Tanah Melayu.

MacMillan amat bersetuju dengan saranan Tunku Abdul Rahman Putra kerana boleh mengekang pengaruh komunis. Sungguhpun demikian kajian akan dilakukan dengan lebih teliti terutama berkaitan dengan pertahanan dan kedudukan wilayah Borneo. Oleh itu pada 11 Ogos 1961, MacMillan telah mengulas lebih panjang tentang percantuman Singapura dengan Tanah Melayu.

Tunku Abdul Rahman Putra juga mengadakan pertemuan dengan Lee Kuan Yew tentang pungutan suara di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1961. Oleh itu pungutan suara dilakukan dengan segera seperti yang disarankan oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Pada 6 September 1961, Tunku Abdul Rahman Putra mengirim surat kepada MacMillan supaya kerajaan British menubuhkan Jawatankuasa Kerja meneliti gagasan yang di-

cadangkan itu. Akhirnya MacMillan bersetuju setelah mendapat sokongan daripada kerajaan British dan penduduk Borneo Utara.


Pada 16 Oktober 1961, Tunku Abdul Rahman Putra mengemukakan satu usul tentang gagasan Malaysia. Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan supaya Parlimen menerima konsep Gagasan Malaysia.

Gagasan itu diketengahkan dalam ucapannya di Persidangan UMNO pada 4 November 1961. Tunku Abdul Rahman Putra memberi jaminan rundingan yang dilakukan di London akan berjaya tetapi harus mendapat pandangan penduduk seperti yang dituntut oleh Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sehubungan itu, Tunku Abdul Rahman Putra dan rombongannya pergi ke London pada 16 September yang turut diwakili oleh Tun Abdul Razak, Tun Tan Siew Sin, Muhammad Ghazalie Shafie dan Kadir Shamsudin. Rundingan itu berlangsung antara Tunku Abdul Rahman Putra dengan Perdana Menteri Britain pada 19 hingga 21 September.

Rundingan itu mencapai kata sepakat untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat untuk meninjau pandangan penduduk di Borneo terhadap cadangan Malaysia. Suruhanjaya itu dipengerusikan oleh seorang yang dilantik bersama oleh ketua kerajaan dan mengandungi empat orang ahli. Laporan Suruhanjaya ini akan menjadi asas kepada kedua-dua buah kerajaan untuk memutuskan gagasan Persekutuan itu.

Persetujuan Singapura untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu dipandang sinis oleh parti pembangkang. Ini disebabkan



Kemerdekaan merangkumi semua wilayah di Malaysia

PAP tidak akan mampu menang sekalipun bergabung dengan parti Perikatan.

Oleh itu untuk menghadapi gerakan Barisan Sosialis, kempen pro-Malaysia telah ditingkatkan di Singapura. Lee Kuan Yew telah melancarkan kempen perjuangan dan percantuman melalui media massa. Beliau menggunakan faktor keselamatan dan ancaman komunis untuk meraih undi.

Pada awal September 1962, David Marshall telah menghantar surat kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai membantah cara pungutan suara yang diadakan dan meminta seorang pemerhati dihantar ke Singapura.

Pejabat Tanah Jajahan menolak campur tangan PBB ke Singapura. Ini disebabkan kerajaan British menganggap masalah Singapura adalah masalah dalaman British.

Bagi mengesahkan keputusan Singapura untuk menyertai Malaysia, pungutan suara telah diadakan pada 1 September 1962. Pungutan suara itu harus diterima memandangkan Singapura merupakan sebuah pulau yang amat kecil dan memerlukan Tanah Melayu untuk terus maju.

Hasil pungutan suara itu menunjukkan 71% pengundi menyokong PAP menyertai Malaysia. Bahkan pihak kiri yang menyokong pemberontakan di Brunei pada awal Disember 1962 telah diambil tindakan.

Sebaik sahaja pungutan itu dilakukan, parti Barisan Sosialis diharamkan dan beberapa orang pemimpin yang berhaluan kiri juga ditahan. Keputusan penahanan ini dilakukan oleh Majlis Keselamatan pada 15 Disember 1962.

Pada bulan Mac 1963, rundingan pusingan akhir telah bermula antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Antara perkara yang akan timbul ialah

untuk mengendalikan kewangan Singapura selepas ber-cantum dengan Malaysia. Kuala Lumpur inginkan segala kewangan Singapura milik kerajaan Kuala Lumpur tetapi Singapura mahukan perjanjian lain tentang kewangan yang menguntungkan Singapura.

Pada masa yang sama Kuala Lumpur juga berunding dengan Brunei. Brunei pula menuntut untuk menguasai semua pendapatan minyaknya buat selama-lamanya dan bukan sepuluh tahun seperti yang dicadangkan oleh Kuala Lumpur.

Perbezaan pendapat ini telah memeningkan Tunku Abdul Rahman Putera. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra mengeluarkan kata dua kepada dua buah negeri itu sama ada ingin menyertai Malaysia atau sebaliknya. Oleh itu kedua-dua buah negeri harus menunjukkan kesungguhan.

Rundingan di London berlangsung pada 27 Jun hingga 7 Julai 1963. Pada 9 Julai, Perjanjian Malaysia ditandatangani di Rumah Marlborough. Namun begitu, Sultan Brunei mengambil keputusan untuk tidak menyertai Malaysia.

Rancangan awal bagi menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditangguhkan bagi membolehkan Rombongan Sekretariat PBB di bawah Lawrence Michemore memastikan sama ada rakyat Sabah dan Sarawak benar-benar ingin menyertai Malaysia ataupun tidak.

Sehubungan itu, Yang di-Pertuan Agong telah menandatangani Pengisytiharan Diraja bahawa Malaysia akan dibentuk pada 16 September. Oleh itu pada 16 September 1963, Malaysia diisytiharkan penubuhannya secara rasmi.

Hubungan Yang Tegang

Sejak awal lagi kemasukan Singapura dalam Malaysia telah menunjukkan suasana yang kurang memberangsangkan. Sikap pemimpin Singapura iaitu Lee Kuan Yew menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra berasa kian mual. Tindakan Lee Kuan Yew yang mengkritik tarikh penubuhan Malaysia yang dipinda daripada 31 Ogos kepada 16 September telah menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra kecewa. Bahkan Lee Kuan Yew secara terang-terangan mengisytiharkan kemerdekaan Singapura pada 31 Ogos 1963, walaupun secara tidak sah dan telah mengkhianati Tunku Abdul Rahman Putra.

Berlaku pergeseran antara Tunku Abdul Rahman Putra dengan Lee Kuan Yew yang memuncak sebaik sahaja pilihan raya Singapura pada September 1963. Pada masa itu semua calon UMNO-Perikatan telah kalah di tangan calon PAP. Kemenangan PAP amat mengejutkan UMNO.

Sementara itu apabila pilihan raya diadakan di Semenanjung pula, Lee Kuan Yew meletakkan 9 calonnya untuk menentang MCA pada bulan April 1964. Tindakan ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra marah kerana Lee Kuan Yew telah berikrar tidak akan meletakkan calonnya di Semenanjung.

Sungguhpun demikian hanya seorang calon PAP sahaja yang menang. Sungguhpun kalah Lee Kuan Yew dan PAP telah menggores hati Tunku Abdul Rahman Putra dan orang Melayu.

Kedadaan menjadi bertambah buruk apabila tercetusnya

rusuhan kaum di Singapura pada bulan Julai 1964. Rusuhan itu telah mengorbankan dan mencederakan beratus-ratus orang awam.

Pergaduhan itu telah menarik perhatian kerajaan British. Lord Head, Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia dalam utusannya kepada Setiausaha Komanwel memihak kepada Lee Kuan Yew dan menyalahkan Syed Jaafar Albar, Setiausaha Agung UMNO kerana mencetuskan rusuhan itu.

Ekoran daripada peristiwa itu Sir Ales Douglas-Home, Perdana Menteri Britain mengadakan perbincangan dengan Tunku Abdul Rahman Putra pada 6 Ogos 1964. Home mencadangkan supaya Lee Kuan Yew dilantik dalam kabinet Kerajaan Pusat. Tunku Abdul Rahman Putra menyatakan bahwa Lee Kuan Yew tidak sesuai untuk diletakkan di dalam kerajaan pusat. Namun begitu, Tunku Abdul Rahman Putra bersetuju untuk menambahkan bilangan perwakilan dari Singapura, Sarawak dan Sabah dalam Majlis Pertahanan.

Tunku Abdul Rahman Putra juga berjumpa dengan Lee Kuan Yew untuk mengatasi masalah tersebut. Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan supaya Lee Kuan Yew mengosongkan kerusi Parlimennya dan sebagai balasan kerajaan pusat akan memberi kuasa autonomi kepada Singapura. Lee Kuan Yew juga diminta supaya tidak terlibat dalam kegiatan politik di Semenanjung dan Borneo.

Lord Head tidak bersetuju dengan cadangan Tunku Abdul Rahman Putra itu. Oleh itu pada 11 Februari 1965, Lord Head Mountbatten mengadakan perbincangan dengan Tunku Abdul Rahman Putra di Kuala Lumpur untuk menarik balik cadangan Tunku Abdul Rahman Putra itu. Namun begitu bagi

Tunku Abdul Rahman Putra itulah jalan terbaik untuk mengatasi masalah yang kian rumit itu.

Kemudian Lord Head berjumpa dengan Lee Kuan Yew. Lord Head menyarankan supaya Lee Kuan Yew tidak terpengaruh dengan cadangan Tunku Abdul Rahman Putra dan Lee Kuan Yew bersetuju.

Lee Kuan Yew bersetuju Singapura diberi kuasa penuh dalam urusan dalaman kecuali dalam bidang pertahanan dan hubungan luar.

Selain itu Lee Kuan Yew juga ingin memastikan supaya tiada sebarang kuasa yang boleh menentukan politik di Singapura. Semua calon Perikatan yang diletakkan di Singapura akan dibatalkan dan semua calon PAP di Semenanjung akan ditutup.

Pada 15 Februari 1965, Lee Kuan Yew mengadakan pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman Putra di Singapura. Dalam perbincangan itu Tunku Abdul Rahman Putra bersetuju membenarkan Singapura mengekalkan kerusinya di Parlimen.

Pada 2 Mac, Tunku Abdul Rahman Putra menulis surat kepada Harold Wilson, Perdana Menteri Britain dan memberi jaminan bahawa perubahan dalam hubungan pusat dengan Singapura tidak akan menjadi pudar.

Hubungan Kuala Lumpur dengan Singapura menjadi tegang semula apabila Lee Kuan Yew mengumumkan hasrat untuk menubuhkan pakatan parti politik untuk menentang Perikatan dalam pilihan raya ke-4 yang akan di jadualkan pada tahun 1969. Oleh itu pada 9 Mei 1964, *Malaysian Solidarity Convention* (MSC) yang menggabungkan parti-parti pembangkang diadakan. Antara yang turut serta dalam

mesyuarat tentang pakatan itu ialah *Democratic Party* dan SUPP. Bahkan Lee telah mencanangkan slogan "Malaysian Malaysia". Cogan kata ini untuk memancing undi bukan Melayu untuk memperjuangkan hak yang sama rata.

Kebanyakan ahli-ahli UMNO memandang penubuhan MSC sebagai satu ancaman kerana akan menjatuhkan Perikatan dan melucutkan hak-hak orang Melayu. Bahkan segelintir di kalangan masyarakat Melayu mendesak Tunku Abdul Rahman Putra menahan Lee Kuan Yew kerana mengungkit isu-isu sensitif. Tunku Abdul Rahman Putra meminta masyarakat Melayu ber-tenang buat sementara waktu.

Lee Kuan Yew tidak memperdulikan bantahan Tunku Abdul Rahman Putra bahkan terus dengan kempen *Malaysian Malaysia* dan memastikan MSC memenangi pilihan raya akan datang serta menubuhkan kerajaan sendiri.

Pada Jun 1965 merupakan masa paling kritikal. Sidang Dewan Rakyat dijadikan medan perang mulut antara pemimpin pusat dengan pemimpin Singapura. Tun Abdul Razak secara terus-terang menyalahkan Lee Kuan Yew dengan masalah yang dihadapi.

Hubungan dingin antara pusat dengan Singapura merisaukan pihak British. Oleh itu Lord Head menasihati Tunku Abdul Rahman Putra supaya berusaha meredakan keadaan. Lord Head juga mengingatkan supaya Lee Kuan Yew tidak mencetuskan ketegangan yang boleh melemahkan kerajaan pusat dan menguntungkan Indonesia.

Pengumuman Penyingkiran Singapura

Hubungan yang kurang menyenangkan antara Kuala Lumpur dengan Singapura menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra memikirkan sama ada Singapura perlu dikekalkan dalam Malaysia ataupun sebaliknya. Tun Abdul Razak yang diarahkan supaya berbincang dengan ahli-ahli kabinet dan Lee Kuan Yew menemui jalan buntu. Ahli-ahli kabinet termasuk Dato' Ismail, Tan Siew Seng



Tunku Abdul Rahman Putra menojak dasar Lee Kuan Yew

dan V.T. Sambanthan telah menggesa supaya kerajaan pusat membuat pilihan sama ada menggunakan kuasa darurat dengan mengambil tindakan terhadap pemimpin PAP atau memberikan kemerdekaan kepada Singapura.

Oleh itu ahli-ahli kabinet mengambil kata sepakat untuk mengenyahkan Singapura daripada Malaysia. Pada 29 Julai, Tun Abdul Razak terbang ke Singapura untuk

mencari jalan penyelesaian yang terakhir, namun gagal. Oleh itu pada 5 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman Putra pulang dari London dan mengadakan mesyuarat dengan menteri-menteri kanannya pada keesokan harinya. Pada petang itu juga Dr. Goh Keng Swee memaklumkan tentang keputusan tersebut.

Lee Kuan Yew pada awalnya cuba mengelakkan perpisahan namun Tunku Abdul Rahman Putra tetap berkeras.

Bahkan Lord Head juga gagal untuk mengelakkan perpisahan itu.

Tunku Abdul Rahman Putra percaya selagi Singapura berada dalam Malaysia, Singapura akan terus menimbulkan masalah. Oleh itu jalan penyelesaiannya ialah berpisah daripada Malaysia.

Oleh itu pada 9 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman Putra telah membawa usul pemisahan itu ke Parlimen. Keadaan ini menyebabkan sebahagian daripada pucuk pimpinan UMNO serta Perikatan menentang keras tetapi Tun

Abdul Razak menguatkan hujah Tunku Abdul Rahman Putra dengan mengatakan Singapura adalah umpama duri dalam daging. Jika tidak dinyahkan daripada Malaysia, akan merosakkan seluruh negara. Keputusan nekad Tunku Abdul Rahman Putra itu amat mengejutkan kerajaan British. Ini disebabkan Tunku Abdul Rahman Putra melakukan tindakan tanpa pengetahuan mereka. Sememangnya Tunku Abdul Rahman Putra sengaja tidak mem-

beritahu mereka kerana ini akan menyebabkan kerajaan British menentang pemisahan Singapura itu.

Kerajaan British amat kecewa kerana pemisahan Singapura akan menyebabkan hasrat untuk melihat Malaysia yang terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak akan berkecai. Tambahan pula pihak British tidak mahu melihat Singapura menjadi seperti Cuba di Asia Tenggara dan sekali gus memaksa British menutup pangkalannya di Singapura untuk kegunaan SEATO.

Penyingkiran Singapura daripada Malaysia memberi kesan terhadap wilayah-wilayah Borneo khususnya Sabah. Donald Stephens yang merupakan pemimpin tersohor di Sabah mengambil keputusan meletakkan jawatan sebagai Menteri Pusat dan memutuskan untuk membawa usul dalam persidangan Majlis Kebangsaan U.P.K.O untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia. Keadaan ini berlaku disebabkan kononnya Kerajaan Pusat tidak berlaku adil terhadap rakyat Sabah.

Donald Stephen meminta bantuan pihak British untuk mencapai hasrat ini, namun Bottomley, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur menyarankan supaya Stephens menyelesaikan masalah itu melalui rundingan.

Ketika Bottomley menanyakan kepada Tun Abdul Razak tentang Sabah, Tun Abdul Razak dengan tegas menjawab tidak ada apa yang perlu diragukannya. Selain itu, Tun Abdul Razak menyuruh Bottomley memberitahu Stephens bahawa British tidak akan mempertahankan Sabah sekiranya keluar dari Malaysia. Bahkan sekiranya Sabah memasuki Indonesia, orang yang pertama digantung oleh Indonesia ialah Stephens sendiri.

Pada 19 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman Putra menjelajah seluruh Sabah dan Sarawak sebagai menunjukkan kekuasaan kerajaan pusat. Selain itu, Tunku Abdul Rahman Putra juga mengingatkan bahawa sesiapa sahaja yang menjadi dalang terhadap perpisahan itu akan diganyang.

Amaran Tunku Abdul Rahman Putra meninggalkan kesan kepada Donald Stephens, Kalong Ningkan dan kerajaan British sendiri. Donald Stephens dan Kalong Ningkan membatalkan hasrat untuk membawa Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia. Dengan masalah perpisahan dapat ditangani, Sabah dan Sarawak tetap menjadi wilayah Malaysia. Malaysia Mencapai Kenegaraan

Malaysia telah dibentuk dengan gabungan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Oleh itu bagi memastikan kedaulatan negara tidak tercabar, ciri-ciri kenegaraan telah dibentuk seperti sempadan tertentu, perlembagaan, pemerintah tertinggi, agama rasmi, bahasa rasmi, ideologi kebangsaan, bendera kebangsaan dan jata negara.

Perlembagaan negara adalah susunan undang-undang bagi pemerintahan. Perlembagaan hanya boleh dipinda dengan persetujuan 2/3 daripada ahli parlimen yang memenangi sesuatu pilihan raya.

Antara ciri-ciri perlembagaan:

- a) Malaysia mempunyai ketua negara iaitu Yang di-Pertuan Agong, ketua kerajaan disandang oleh Perdana Menteri, mempunyai sistem demokrasi berparlimen,



Kuasa Yang di-Pertuan Agong tetap terpelihara dengan baik

mempunyai suruhanjaya pilihan raya dan rakyat mempunyai hak asasi .

- b) DYMM Yang di-Pertuan Agong adalah lambang perpaduan rakyat. Baginda akan dipilih daripada sembilan sultan dalam Persidangan Raja-raja Melayu dan memerintah selama lima tahun.

Antara tugas Yang di-Pertuan Agong ialah:

- i) Ketua agama bagi negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak
- ii) Pemerintah tertinggi angkatan tentera
- iii) Mempunyai kuasa pengampunan
- iv) Boleh membatalkan Parlimen
- v) Perlantikan Perdana Menteri dan melantik anggota jemaah menteri.
- vi)Pengecualian daripada undang-undang di mahkamah.

- c) Selain itu, agama rasmi Malaysia ialah agama Islam. Ini disebabkan lebih daripada 60 peratus rakyat Malaysia beragama Islam. Yang di-Pertuan Agong adalah ketua agama bagi negeri-negeri yang tidak beraja.

- d) Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan dan digunakan secara meluas di Malaysia. Bahasa ini diguna pakai dalam pentadbiran, pendidikan dan sebagainya. Bagaimanapun bahasa-bahasa lain juga boleh digunakan.

Ideologi kebangsaan ialah Rukun Negara. Rukun Negara ini digubal pada 13 Mei 1969 oleh Jabatan Perpaduan Negara dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.

Rukun Negara bertujuan mencapai sebuah masyarakat yang bersatu padu dan adil. Dengan itu kelima-lima prinsip Rukun Negara perlu dihayati dengan lebih mendalam oleh setiap rakyat Malaysia.

Bendera kebangsaan (Jalur Gemilang) yang mempunyai 14 jalur yang terdiri daripada putih dan merah, melambangkan jumlah negeri yang terdapat dalam Malaysia. Putih adalah kesucian dan keikhlasan, sedangkan merah melambangkan keberanian. Bulan sabit melambangkan Islam sebagai agama rasmi dan bintang sebagai negeri-negeri dalam Malaysia. Warna kuning sebagai lambang raja berdaulat. Warna biru yang melatari bintang dan bulan adalah melambangkan perpaduan kaum.

Selain itu lagu Negaraku adalah lagu kebangsaan yang menggantikan lagu '*God Saves The Queen*' sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan. Lagu Negaraku adalah berdasarkan lagu kebangsaan Perak.

Jata Negara pula adalah lambang kebangsaan negara. Jata ini mempunyai lambang harimau dan pelbagai lambang negeri-negeri yang bernaung dalam Malaysia. Motto jata negara ialah "Bersekutu Bertambah Mutu".

DASAR LUAR NEGARA

Prinsip Tunku Abdul Rahman

Dasar luar negara adalah penting dalam usaha menjalinkan persahabatan dan kerjasama dengan negara-negara jiran.

Tunku Abdul Rahman Putra membawa Malaysia untuk mengamalkan piagam Bangsa-bangsa Bersatu saling memberi sumbangan yang baik dalam usaha menggalakkan dan memelihara keamanan dunia.

Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra telah membawa Malaysia ke landasan yang betul apabila mengamalkan dasar berkecuali bagi mengelakkan permusuhan antara negara. Beliau juga telah berjaya bekerjasama dengan negara-negara lain dalam hal yang berkaitan ekonomi, pelancongan dan kebudayaan.

Kerjasama Malaysia Dalam Pertubuhan Serantau

Persatuan Asia Tenggara (ASA)

ASA adalah idea Tunku Abdul Rahman Putra yang dikemukakan kepada Presiden Filipina iaitu Carlos P. Garcia bagi pembentukan pertubuhan serantau. Oleh itu ASA ditubuhkan dengan rasminya pada bulan Julai 1961 di Bangkok, Thailand.

Hanya tiga buah negara yang menjadi anggota ASA termasuk Thailand. Walaupun terdapat

negara-negara lain dijemput untuk mengahdirinya, tetapi tidak mendapat sambutan yang menggalakkan.

Objektif penubuhan ASA seperti yang dirancang oleh Tunku Abdul Rahman Putra ialah menubuhkan sebuah syarikat penerbangan untuk negara ASA dan bekerjasama dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelajaran, pertanian dan perusahaan.

Sungguhpun begitu ASA mengalami kegagalan apabila Filipina sering membuat bantahan terhadap kemasukan Sabah ke dalam Malaysia kerana bagi Filipina, Sabah adalah hak negara tersebut. Dengan hubungan yang renggang, akhirnya tamatlah riwayat ASA.

Maphilindo

Tunku Abdul Rahman Putra memainkan peranan yang penting dalam membentuk Malaysia. Penyatuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura mendapat tentangan yang cukup hebat daripada Presiden Macapagal dan Presiden Sukarno. Kedua-dua buah negara ini sering melakukan penentangan terhadap hasrat Tunku Abdul Rahman Putra.

Bagi memastikan keadaan semakin reda, Tunku Abdul Rahman Putra mengadakan satu mesyuarat di Manila, Filipina. Dalam mesyuarat itu Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan supaya kata sepakat dibuat untuk mengekang masalah tersebut.

Tunku Abdul Rahman Putra telah mencadangkan supaya sebuah pertubuhan yang dipanggil MAPHILINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia) diwujudkan. Tujuan pertubuhan ini diwujudkan adalah untuk membincangkan kerjasama antara tiga buah

negara. Namun begitu Maphilindo tidak berjaya apabila Indonesia melakukan serangan terhadap Malaysia.

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)

ASEAN secara rasminya telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok, Thailand. Antara negara-negara yang menyertai ASEAN ketika itu ialah Persekutuan Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand.

ASEAN ditubuhkan dengan bermatlamatkan pengembangan ekonomi, kemajuan sosial dan kebudayaan serantau. Pertubuhan ini juga menggalakkan keamanan dan kestabilan serantau. Pada masa yang sama penyelidikan dan latihan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat.

ASEAN bukanlah pakatan ketenteraan dan hanya menurus terhadap kerjasama antara pelbagai negara yang melibatkan ekonomi, sosial dan kebudayaan. Peranan Tunku Abdul Rahman Putra adalah sebagai anggota serantau banyak memperjuangkan hak-hak rakyat yang miskin. Sungguhpun khidmat Tunku Abdul Rahman Putra adalah singkat tetapi beliau adalah pelopor dan pemaju ASEAN sehingga menjadikan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang aktif sehingga kini.

Peranan Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa

Negara-negara Komanwel

Kebanyakan negara di dunia ini diperintah oleh Britain. Negara-negara tersebut telah mencapai kemerdekaan termasuklah Malaysia yang mencapai

kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kebanyakan negara-negara ini bergabung untuk membentuk sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Komanwel.

Tunku Abdul Rahman Putra mengambil langkah bijak untuk menyertai Komanwel. Terdapat banyak faedah apabila Malaysia menyertai pertubuhan yang dinaungi Ratu England itu, antaranya keselamatan dalam ketenteraan, perdagangan dan Rancangan Colombo.

Sebagai kesan daripada pertubuhan itu, beberapa perjanjian pertahanan dimeteraikan dengan Britain, Australia dan New Zealand bagi membanteras komunis di Tanah Melayu. Dengan pembukaan pangkalan tentera di Terendak (Melaka) dan Butterworth (Pulau Pinang) oleh tentera Komanwel, telah berjaya melemahkan pihak komunis.

Kerajaan British mengenakan cukai yang rendah apabila dagangan Malaysia memasuki negara berkenaan. Tunku Abdul Rahman Putra juga menyarankan supaya keistimewaan harus diberikan kepada negara-negara Komanwel yang lain sebagai usaha untuk mengeratkan hubungan.

Rancangan Colombo telah memberi peluang kepada Malaysia untuk mempelajari dan mendapat biasiswa kepada pelajar Malaysia yang belajar di negara-negara Komanwel. Rancangan Colombo yang diwujudkan oleh Australia, Kanada, New Zealand, India, Pakistan, Ceylon dan Britain sendiri telah banyak memajukan Malaysia.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Malaysia menjadi anggota PBB pada 17 September 1957 iaitu 17

hari selepas kemerdekaan. Selain menjadi ahli PBB, Malaysia juga telah diterima sebagai anggota WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia), ILO (Pertubuhan Buruh Antarabangsa), UNESCO (Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu), FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian) dan WB (Bank Dunia).

Sebagai ahli PBB, Tunku Abdul Rahman Putra memainkan peranan penting untuk memastikan penyertaan dan suara Malaysia di dengari. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman Putra menegaskan supaya keamanan sejagat diambil kira.

Bagi memastikan keanggotaan Malaysia diiktiraf, Tunku Abdul Rahman Putra menghantar beberapa batalion tentera pengaman ke Congo sebagai usaha meredakan peperangan di negara tersebut. Ini adalah permintaan PBB dan sebagai penyahut seruan itu, Tunku Abdul Rahman Putra sedia mengarahkan tentera Malaysia ke Congo pada tahun 1960.

Tunku Abdul Rahman Putra juga aktif dengan isu-isu yang berkaitan dengan keamanan negara. Oleh itu Malaysia dan Ireland telah menimbulkan isu keganasan Komunis dari negara China terhadap Tibet. Ini satu pencabulan terhadap kedaulatan wilayah Tibet.

Sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, Tunku Abdul Rahman Putra meminta bantuan PBB untuk menjadi pemerhati ke atas Sabah dan Sarawak semasa pembentukan Malaysia. Ini disebabkan Filipina dan Indonesia sentiasa mengambil tindakan untuk menghasut penduduk Sabah dan Sarawak supaya tidak bersatu

dengan Semenanjung bagi membentuk Malaysia.

Satu rombongan yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold melakukan pemerhatian dan mendapati penduduk Sabah dan Sarawak ingin bersatu dengan penduduk Semenanjung untuk membentuk Malaysia. Oleh itu segala kekacauan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia kian reda.

Malaysia juga sering mengundang kekeliruan terhadap dasar Apartheid atau perbezaan warna kulit yang dikenakan oleh British terhadap Afrika Selatan. Walaupun Malaysia sebuah negara kecil dan baru merdeka, namun lantang bersuara dalam memperjuangkan hak-hak kemanusiaan.

Pertubuhan Negara-negara Islam

Terdapat banyak negara Islam di seluruh dunia terutama di Asia Barat dan Afrika Utara. Kebanyakan negara-negara Islam tidak bersatu walaupun menganggap mereka sebagai bersaudara. Sungguhpun demikian tidak banyak yang boleh membantu kemajuan negara-negara Islam.

Idea untuk mewujudkan kesatuan negara-negara Islam lahir apabila Tunku Abdul Rahman Putra menunaikan sembahyang sunat hari raya di Masjid Woking di London. Pada masa itu Tunku Abdul Rahman Putra diminta berucap di kalangan penduduk Islam London yang berjemaah. Beliau merayu supaya menubuhkan kesatuan negara-negara Islam atau Komanwel Negara-negara Islam. Cadangan untuk menubuhkan kesatuan itu mendapat sokongan yang baik.

Sebaik sahaja pulang ke Malaysia, Tunku Abdul Rahman menghantar satu rombongan ke negara-negara Islam



Presiden Suharto menyambut kedatangan Tunku di Jakarta

untuk meninjau pendapat negara-negara berkenaan berkaitan dengan penubuhan Komanwel Negara-negara Islam. Namun begitu tidak banyak negara Islam yang berminat dan cadangan tersebut ditanggguhkan beberapa ketika.

Pada tahun yang sama ketika Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam di Rabat diadakan, persetujuan mewujudkan Komanwel Negara-negara Islam dibentuk. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra diminta menjadi Setiausaha Agung yang pertama.

Hasil daripada cadangan Tunku Abdul Rahman Putra itu, sebuah Sekretariat Islam ditubuhkan. Oleh itu persidangan kelima yang diadakan di Malaysia telah mendapat kejayaan yang besar. Cadangan Tunku Abdul Rahman Putra untuk meninggikan taraf Dunia Islam mendapat sambutan yang menggalakkan.

Oleh itu, wujudlah Bank Pembangunan Islam. Bank itu dibiayai oleh

negara-negara Islam yang kaya dan memberi bantuan kepada negara-negara Islam yang miskin terutama dalam hal yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan.

Pertubuhan Negara-negara Berkecuali

Pertubuhan Negara-negara Berkecuali diwujudkan sebaik sahaja perang dingin berlaku antara Amerika Syarikat dengan Rusia. Selepas Perang Dunia Kedua, Rusia berjaya menawan beberapa buah wilayah Eropah. Amerika Syarikat pula bimbang akan tersebar fahaman komunis ke wilayah-wilayah taklukan Rusia.

Oleh itu negara-negara itu bermusuhan sehingga terdapat dua buah blok iaitu blok komunis dan blok bukan komunis. Bagi negara-negara yang tidak menyokong kedua-dua negara itu, telah membentuk satu pertubuhan yang

digelar Negara-negara Berkecuali. Ini disebabkan kebanyakan negara-negara anggota terdiri daripada negara membangun yang masih lemah dari segi pentadbiran dan ekonominya.

Oleh itu satu perjumpaan diadakan di Bandung, Indonesia pada tahun 1955. Sebanyak 25 buah negara yang bersidang bagi membincangkan beberapa perkara seperti menghormati hak asasi manusia, menghormati kemerdekaan dan mengamalkan keamanan di antara negara.

Pada tahun yang sama Amerika Syarikat menubuhkan *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Pakistan, Thailand dan Filipina. Tujuan SEATO adalah menyekat pengaruh komunis dari Rusia dan China.

Bagi memastikan keadaan ini tidak menjejaskan Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra lebih bersedik berkecuali. Tunku Abdul Rahman Putra tidak mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara-negara komunis. Tambahan pula ketika itu Tanah Melayu juga diancam komunis.

Hanya selepas tahun 1967, barulah Tunku Abdul Rahman Putra mengadakan hubungan diplomatik dengan Rusia. Pada tahun 1974, Malaysia mengiktiraf China sebagai negara komunis.

Boleh dikatakan dengan dasar berkecuali yang diamalkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra telah menyebabkan negara terhindar daripada pengaruh komunis.

Penyertaan Dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

Sebaik sahaja Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Tunku

Abdul Rahman Putra mengambil langkah wajar dengan melantik Tun Dr. Ismail menjadi duta di Amerika Syarikat. Perlantikan ini dilakukan memandangkan Tun Dr. Ismail adalah seorang yang berkaliber dan mempunyai tahap disiplin dan berwibawa.

Selain menjadi duta di Amerika Syarikat, Tunku Abdul Rahman Putra juga melantik Tun Dr. Ismail sebagai wakil ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu pada 5 September 1957, beliau mengarahkan Tun Dr. Ismail supaya menghadiri persidangan PBB.

Kebijaksanaan yang ditunjukkan Tun Dr. Ismail membolehkan Persekutuan Tanah Melayu diterima sebagai anggota PBB yang ke-82. Ini adalah susulan yang dibuat oleh PBB pada 17 September 1957. Dengan ini secara tidak langsung, badan dunia itu telah mengiktiraf Persekutuan Tanah Melayu sebagai salah sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Sebaik sahaja diterima sebagai anggota PBB, Tun Dr. Ismail yang mewakili Tunku Abdul Rahman Putra dan Persekutuan Tanah Melayu memberi ucapan terima kasih kepada Tunku Abdul Rahman Putra kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk menjalankan tugas yang masih baru dan kepada Selwin Loyed dari Britain yang mencadangkan supaya Persekutuan Tanah Melayu menganggotai PBB.

Sebelum upacara menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu di pejabat PBB, Tun Dr. Ismail dengan pakaian kebangsaan menyampaikan surat tauliah sebagai duta Persekutuan Tanah Melayu di Amerika Syarikat kepada Presiden Isenhowar di Washington. Penyerahan surat ini, beliau berharap supaya hubungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Amerika Syarikat akan terjalin erat. Sebagai ucapan balas-

nya, Presiden Isenhower mengucapkan terima kasih dan tahniah atas usaha Persekutuan Tanah Melayu menuntut kemerdekaan.

Berikutan pengiktirafan terhadap Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara anggota PBB yang ke-82, bendera Persekutuan Tanah Melayu mula dikibarkan di Pejabat PBB. Pengibaran bendera pada 15 Oktober 1957 itu jelas membuktikan bahawa rakyat Tanah Melayu juga diiktiraf sebagai bangsa yang merdeka dan mempunyai kedudukan yang sama dengan bangsa lain. Tun Dr. Ismail juga pernah menyatakan bahawa bendera yang dikibarkan di pejabat PBB itu adalah menjadi simbol sebagai satu bangsa yang bersatu serta mempunyai kedudukan yang sama taraf dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel, 1960

Pada tahun 1960, Persekutuan Tanah Melayu menyertai buat kali pertamanya persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel. Persidangan tersebut diadakan di London dan dihadiri oleh ketua-ketua negara seperti Afrika Selatan, Britain, Ceylon, Ghana, India, Kanada, Nyasaland, Pakistan,

Persekutuan Tanah Melayu dan Persekutuan Rhodesia.

Persekutuan Tanah Melayu diwakili oleh Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Perbincangan utama dalam persidangan ini tertumpu kepada soal-soal seperti perhubungan antara blok Komunis dunia bebas, masalah hubungan Timur Barat, soal pelucutan senjata dan pengharaman ujian senjata nuklear.

Soal Dasar Apartheid di Afrika Selatan juga telah disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra yang terus terang mengecam dasar ini. Beliau mempersoalkan perbezaan layanan terhadap kaum-kaum di Afrika Selatan.

Kira-kira 10 000 orang daripada semua kaum berkumpul di lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur, Subang untuk menyambut kepulangan Tunku Abdul Rahman Putra dan rombongannya daripada lawatan ke negara-negara Eropah, dan persidangan. Tunku Abdul Rahman Putra memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu di mata dunia dengan memperjuangkan menentang Dasar Apartheid di Afrika Selatan.

RUMUSAN KEPIMPINAN Tunku dan Kemanusiaan

Tunku Abdul Rahman Putra adalah seorang pejuang kemanusiaan yang tulen dan berjiwa rakyat. Beliau adalah antara pemimpin yang menyahut permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menghantar misi pendamai dan keamanan ke Congo yang dilanda peperangan saudara.

Tunku Abdul Rahman Putra melepaskan pemergian angkatan tentera Persekutuan Tanah Melayu untuk berkhidmat di Congo pada 1 Julai 1961 di Port Swettenham (kini dikenali sebagai Pelabuhan Klang).

Tunku Abdul Rahman membangunkan rumah untuk membantu mangsa 'Kereta Api Maut' dan anak-anak yatim semasa pemerintahan Jepun. Beliau juga memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Kemboja pada tahun 1975 yang memasuki Malaysia melalui Kelantan.

Sehubungan itu Perkim yang terlibat di bawah pimpinan beliau memperuntukan sebanyak RM120 000 termasuk RM100 000 untuk menyewa kapal dari Thailand ke Kelantan. Dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) seramai 4 500 orang pelarian ditempatkan di Pengakalan Chepa, Kelantan dan Cherating, Pahang.

Sebagai seorang yang begitu prihatin terhadap kebajikan manusia sejagat, Tunku Abdul Rahman Putra menegaskan ter-

lalu ramai orang yang menderita di dunia tetapi kebanyakan para pemimpinnya mempunyai dasar yang berpandangan singkat.

Selain itu, Tunku Abdul Rahman Putra seorang insan yang humanis dan sewajarnya dikenang oleh rakyat kerana keikhlasan memberi keizinan kepada PERKIM Kedah Darul Aman menggunakan tanah kepunyaannya seluas dua ekar di kawasan Perbandaran Kota Setar, Lorong Seri, Alor Setar. Di atas tanah ini didirikan bangunan rumah pemulihan anak-anak yatim dan warga tua yang miskin.

Darul Aitam Wal Miskin Tunku Abdul Rahman Putra, begitulah nama yang diberikan kepada bangunan ini sempena pengorbanan suci Tunku Abdul Rahman Putra dalam usaha menjaga kebajikan sesama manusia.

(Tunku Abdul Rahman Putra adalah seorang pemimpin yang bukan sahaja terkenal di kalangan rakyat negaranya sendiri tetapi di segenap pelosok dunia.) Ini dibuktikan apabila beliau dengan bermurah hati memberi bantuan kewangan kepada seorang rakyat dari Afrika Selatan walaupun beliau tidak pernah menyiasat latar belakang orang tersebut.


Rakyat daripada pelbagai kaum dan agama juga sering memohon bantuan kewangan, biasiswa pelajaran, perubatan dan pekerjaan dari Tunku Abdul Rahman Putra. Kedudukan yang tinggi bukan penghalang untuk memisahkan beliau dengan rakyat, sebaliknya beliau sedar akan sesuatu yang dimilikinya. Oleh itu beliau sedia memberi bantuan seikhlas hati kepada rakyat yang memerlukan.

Sesungguhnya beliau seorang humanis yang memperjuangkan nasib bangsanya dan manusia sejagat.

Seorang Idealis Kebebasan Dan Demokrasi

Semangat nasionalis Tunku Abdul Rahman Putra telah mula berkembang sewaktu beliau menuntut ilmu undang-undang pada tahun 1926 di Inner Temple, London. Sikap diskriminasi di Kolej St. Catherine telah menyemarakkan semangat dalam dirinya untuk membebaskan Tanah Melayu daripada kuasa penjajah.

Pengalaman yang diperoleh adalah



Tunku tidak pernah merendah diri apabila berhadapan dengan Pegawai Inggeris

hasil daripada percampuran dengan rakan-rakan dari negeri-negeri yang dijajah oleh kerajaan British. Keadaan ini menyedarkan Tunku Abdul Rahman Putra tentang erti penjajahan. Oleh itu Tunku Abdul Rahman Putra bersama beberapa orang pelajar Melayu yang lain bersatu fikiran menubuhkan Kesatuan Melayu Great Britain. Beliau dilantik sebagai setiausaha kesatuan itu.

Idea demokrasi yang diperoleh ketika menuntut di England diserapkan dalam pucuk pimpinan UMNO sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman Putra

mengambil alih tugas Dato' Onn Jaafar sebagai presiden UMNO pada 26 Ogos 1951. Pada tahun itu, Tunku Abdul Rahman Putra pernah menegaskan bahawa,

"Kita tidak akan memaksa sesiapa mengikut kehendak kita, kita mementingkan segalanya perlu dijalankan mengikut prinsip demokrasi dan harmoni."

Oleh itu pada tahun 1952, tanpa melupakan semangat Hidup Melayu,

Tunku membawa UMNO melangkah ke satu era baru untuk

menuntut kemerdekaan. Pada tahun-tahun berikutnya, Tunku Abdul Rahman Putra bersama-sama dengan kaum lain untuk mewujudkan perpaduan. Oleh itu beliau telah menjelajah ke seluruh Tanah Melayu, sama ada menemui raja ataupun rakyat untuk mencari jalan penyelesaian politik supaya seluruh rakyat bersatu untuk menuntut kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman Putra pernah berkata,

"Kita percaya kepada kedamaian, objektif kita ialah menegakkan prinsip hak asasi manusia, mengenengahkan kepandaian, untuk membangun, memelihara dan menegakkan kebebasan untuk berfikir dan meluahkannya secara lisan atau penulisan, kebebasan mengadakan rapat umum, kebebasan untuk bergerak dan berpersatuan dan kebebasan terhadap perbezaan parti masing-masing melalui perhubungan yang mesra dan saluran yang sah."

Tunku Abdul Rahman Putra sebagai pemimpin UMNO pula telah menjadikan UMNO sebuah

organisasi yang mengungkap hasrat dan cita-cita rakyat Tanah Melayu pelbagai keturunan, kepercayaan dan budaya. Beliau mewujudkan kerjasama antara kaum dengan Persatuan Cina Tanah Melayu (MCA) pada tahun 1952 dan Kongres India Tanah Melayu (MIC) pada tahun 1954 dalam satu kesatuan politik yang dinamakan Perikatan.

Ternyata usaha Tunku Abdul Rahman Putra membawa kemenangan besar parti Perikatan dalam pilihan raya umum pertama pada 27 Julai 1955 di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Dengan memenangi 51 daripada 52 kerusi, sebuah kerajaan pemerintahan sendiri dibentuk. Tunku Abdul Rahman Putra dilantik sebagai Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri sebagai langkah ke arah kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman Putra menerajui kerajaan yang baru dengan penuh tanggungjawab.

Sememangnya semangat perpaduan yang ditunjukkan Perikatan dalam usaha membentuk dan mencorak negara menyebabkan pihak British tidak dapat menolak kerjasama pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra. Selain itu, tokoh-tokoh utama seperti Tun Abdul Razak, Sulaiman Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock, Tun H.S. Lee, Tun V.T. Sambathan, Tun Amar Ong Yoke Lin, Tun Saadon Jubir dan lain-lain telah bersatu dan membentuk kerajaan yang kuat pengaruhnya.

Tunku Pembina Bangsa

Sejarah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra bermula dengan gerakan sosial dan kebajikan apabila beliau bertugas sebagai pegawai tadbir negeri kepada pada tahun 1936. Pada tahun 1945, beliau melibatkan diri dalam SEBERKAS dan kemudian menjadi Yang Dipertua Persatuan Melayu Kedah yang bertujuan memperjuangkan semangat kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman menyuarakan bantahan terhadap Malayan Union dan menghadiri perjumpaan-perjumpaan menentang Malayan Union di Alor Setar. Sikap memperjuangkan kemerdekaan bangsa dan Tanah Melayu adalah jelas diperlihatkan. Dalam ucapan sulungnya ketika menerima jawatan Yang Dipertua UMNO pada 26 Ogos 1951 dengan tegas beliau berkata:

"Janganlah sekali-kali raja-raja itu membenarkan dirinya menjadi jentara bangsa asing akan mematahkan perjuangan dan cita-cita rakyat dan akan membinasakan rakyatnya sendiri.



Tunku sering membuat lawatan ke kampung-kampung untuk membangunkan masyarakat pedalaman

Ingatlah apa akan jadi jika apabila negeri ini di Malayankan nescaya kota-kota raja tetap akan dirobuhkan."

Demi perpaduan orang Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra mengorbankan jawatannya yang bergaji lumayan dan mengambil alih teraju kepimpinan UMNO. Beliau berusaha giat untuk memulihkan moral dan kedudukan masyarakat Melayu dengan mengadakan lawatan ke seluruh Tanah Melayu.

Tunku Abdul Rahman Putra menentang konsep pelbagai kaum dalam parti UMNO yang dicadangkan oleh Dato' Onn Jaafar. Sungguhpun demikian, Tunku Abdul Rahman Putra tidak menolak sekiranya terdapat kerjasama antara pelbagai parti. Oleh itu pada pilihan raya Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952, UMNO mengadakan kerjasama dengan MCA. Kerjasama ini ternyata memperoleh kejayaan yang besar.

Pakatan antara kaum merupakan strategi yang paling berkesan. Pakatan ini menjadi asas kepada penubuhan Perikatan dengan lambang kapal layar. Kedudukan Perikatan dan UMNO selepas kejayaan pilihan raya 1952 ternyata semakin mantap. Ini diperkuatkan dengan penyertaan MIC dalam Perikatan pada tahun 1954. Gandingan UMNO-MCA-MIC berterusan sehinggalah dalam pilihan raya pada tahun 1955 Perikatan berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi yang diperuntukkan.

Lanjutan dari kejayaan ini Tunku Abdul Rahman Putra dilantik sebagai ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Kemerdekaan Tanah Melayu kemudiannya berjaya dicapai melalui meja rundingan dengan rakyat Malaysia yang diwakili oleh tiga kaum iaitu Melayu, Cina, India dalam Perikatan

dengan kerjasama daripada pihak Majlis Raja-raja Melayu.

Sebagai pemimpin yang mewakili kepentingan Melayu, tanpa mengeneipkan kaum lain, Tunku Abdul Rahman Putra memastikan ketuanan orang Melayu tidak tercabar dalam perlembagaan Tanah Melayu dan perlembagaan negara. Ini termaktub dalam perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

- i) Kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan. Kaum Melayu adalah penduduk peribumi.
- ii) Hak-hak keistimewaan orang Melayu dan agama Islam sebagai agama rasmi negara.
- iii) Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara.

Semua ini telah diungkapkan dalam ucapan sulung Tunku Abdul Rahman Putra ketika menerima jawatan Yang Dipertua UMNO pada 26 Ogos 1951. Tunku Abdul Rahman Putra juga menyatakan dengan tegas bahawa setiap negara yang tidak mempunyai bahasa kebangsaan akan selalu berpecah-belah, serupa dengan sebuah rumah yang selalu berpecah tidak akan dapat berdiri dengan teguh. Sememangnya negara ini diterima daripada Melayu, maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu tetapi kita mestilah ingat.

Sekiranya kita hendak timbang menimbang atas perasaan hawa nafsu bangsa asing, apakah yang akan terjadi kepada bangsa Melayu dan apa maknanya yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, ini negeri hak Melayu dan berilah kelebihan kepada Melayu.

Oleh itu pada 31 Ogos 1957, adalah hari keramat bagi bernama bangsa Melayu. Pada hari itulah bermulanya babak baru dalam kehidupan mereka yang bebas dan merdeka. Tiada lagi wajah penjajah yang perlu ditakuti. Mereka adalah bangsa berdaulat, dengan identiti dan wibawa tersendiri.

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman Putra mencadangkan gagasan Malaysia iaitu gabungan beberapa buah negeri terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei ketika merasmikan Majlis Anjuran Foreign Correspondents Association of South East Asia, di Singapura. Melalui Malaysia negeri-negeri tersebut dimerdekaan daripada penjajah Inggeris.

Pandangan Tunku Abdul Rahman Putra itu kemudian disambut baik oleh semua pemimpin negeri-negeri tersebut kecuali Brunei. Negara Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963.

Demikian Tunku Abdul Rahman Putra memulakan kepimpinannya terhadap bangsa Melayu. Beliau akhirnya berjaya menempatkan dirinya sebagai pemimpin pelbagai kaum di Malaysia dan dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia.

Tunku Dan Bola Sepak

Sejak dahulu lagi Tunku Abdul Rahman Putra amat berminat dalam bidang sukan. Oleh itu beliau pernah menganggotai pasukan bola sepak Sekolah Fenang Free, Pulau Pinang dan Kolej St. Catherine, Universiti Cambridge. Sebaik sahaja pulang ke Tanah Melayu, beliau dilantik sebagai Naib Yang Dipertua

Persatuan Bola Sepak Kedah.

Minat Tunku Abdul Rahman Putra terhadap bola sepak berterusan apabila beliau berpindah ke Kuala Lumpur dan dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya pada tahun 1949. Beliau dilantik menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Melayu, Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor dan Presiden Kehormat (semumur hidup) Persatuan Bola Sepak Malaysia pada 14 Februari 1954.

Pesta Bola Sepak Merdeka telah diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra pada 31 Ogos 1957 dengan tujuan menggalakkan perkembangan bola sepak di Malaysia dan seterusnya memupuk persahabatan di kalangan negara-negara peserta.

Penglibatan Tunku Abdul Rahman Putra dalam bidang bola sepak memuncak apabila dilantik menjadi Presiden Persekutuan Bola Sepak Asia di Tokyo pada 29 Mei 1958. Beliau diangugerahi gelaran Tokoh Sukan Negara oleh kerajaan Malaysia pada 2 Jun 1979.

Kecemerlangan Tunku Abdul Rahman Putra dalam bidang sukan turut diiktiraf oleh negara-negara luar. Antaranya beliau telah dianugerahi Sijil United States Distinguished Service Awards oleh Lembaga Amanah Akademi Sukan Amerika Syarikat pada 30 November 1981.

Tunku Dan Islam

Tunku Abdul Rahman Putra merupakan seorang pemimpin negara yang majoriti rakyat beragama Islam. Sebagai seorang yang beragama Islam, beliau bertanggungjawab menyumbangkan terhadap perkembangan Islam di negara ini. Tunku Abdul Rahman Putra seorang yang cinta kepada agama dan

telah membuktikan dengan penglibatannya dalam mengembangkan syiar Islam sejak awal lagi sehingga beliau bersara.

Sebaik sahaja mencapai kemerdekaan, antara



Pertandingan musabaqah diadakan di Malaysia setiap tahun

perlaksanaan dasar utama Tunku Abdul Rahman Putra ialah pembinaan institusi agama, sekolah-sekolah dan masjid di merata tanah air. Beliau adalah pengasas pertandingan membaca al-Quran (musabaqah) yang kemudiannya telah menjadi satu tradisi sehingga hari ini. Usaha ini bermula ketika beliau mengendalikan pertandingan membaca al-Quran di negeri Kedah pada tahun 1951 dan berterusan sehingga menjadi Perdana Menteri.

Pertandingan pada peringkat

kebangsaan diadakan pada 8 Mac 1960. Kemudian pada peringkat antarabangsa pada 9 Mac 1961 dengan penyertaan daripada beberapa negara Islam.

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) ditubuhkan pada 19 Ogos 1960 dan Tunku Abdul Rahman Putra dilantik sebagai Presiden. Antara peranan PERKIM ialah sebagai sebuah badan kebajikan terutama yang berkaitan dengan keislaman dan penyebaran Islam di kalangan penduduk Tanah Melayu.

Sepanjang penglibatan, Tunku Abdul Rahman Putra melaksanakan beberapa projek utama iaitu penubuhan Darul Aitam Walmasakin, klinik PERKIM, tadika PERKIM dan menyediakan penginapan untuk pelarian Islam Kemboja. Perkembangan PERKIM adalah sebagai usaha gigih Tunku Abdul Rahman Putra. Kini PERKIM diakui dan dihormati kebanyakan negara Islam.

Tunku Abdul Rahman Putra juga disifatkan sebagai seorang tokoh perintis kepada Kesatuan Umat Islam di dunia. Oleh itu Al-Malik Faisal telah menawarkan jawatan Setiausaha Agung Sekretariat Negara-negara Islam yang berpusat di Jeddah kepada beliau semasa kunjungannya ke Malaysia. Ini disebabkan Al-Malik Faisal yakin dengan kewibawaan dan kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra.

Perlantikan Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Negara-negara Islam pertama pada 9 Jun 1970 adalah satu penghormatan yang

tidak ternilai kepada beliau. Atas daya usaha beliau, pertubuhan ini dapat menarik minat lebih 40 buah negara Islam menyertai sekretariat ini serta bekerjasama demi kepentingan Islam.

Penglibatan Tunku Abdul Rahman Putra di peringkat dunia Islam antarabangsa juga sangat besar kerana hasil daripada usahanya itulah, telah tertubuhnya Bank Pembangunan Dunia Islam pada tahun 1974. Bank Pembangunan Dunia Islam ini adalah bertujuan membantu negara-negara Islam yang masih miskin.

Tunku Abdul Rahman Putra terus aktif dalam menyumbangkan tenaganya demi perkembangan agama Islam walaupun telah bersara. Kewibawaan dan daya kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra dikagumi oleh pemimpin-pemimpin Islam lain.

Ini jelas terbukti apabila pada 18 Januari 1980, Tunku Abdul Rahman Putra dilantik menjadi Presiden Pertama *Regional Islamic Council For Southeast Asia and Pacific* (RISEAP) oleh perwakilan di persidangan Negara-negara Islam Asia Tenggara. Semasa beliau menjadi Presiden RISEAP, buat pertama kalinya seorang pemimpin dari negara Islam mengadakan kunjungan ke China iaitu pada tahun 1982. Kesempatan ini diambil oleh Tunku Abdul Rahman Putra untuk mengeratkan hubungan rakyat China Muslim dengan negara-negara Islam yang lain.

Jasa murni dan sumbangan Tunku Abdul Rahman Putra di peringkat antarabangsa menyebabkan Islam telah mendapat penghargaan dari kerajaan Pakistan dengan

Anugerah Hadiah Hijrah (Mac 1983) dan daripada kerajaan Arab Saudi dengan Anugerah Al-Malik Faisal (1 Mac 1983). Penglibatan dan pencapaian Tunku Abdul Rahman Putra dalam bidang Islam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam di rantau ini.

Tunku Dan Kreativiti

Tunku Abdul Rahman Putra seorang penulis yang berjaya menarik pembaca mengikuti setiap penulisan yang dihasilkannya. Oleh sebab beliau seorang bekas ahli politik yang amat terkenal, tulisan-tulisannya mendapat perhatian ramai walaupun beliau bukanlah seorang penulis atau wartawan profesional.

Sebagai seorang negarawan yang berpengalaman dan berpengetahuan yang luas, kebanyakan tulisan beliau meliputi aspek-aspek kehidupan khususnya politik Malaysia. Selepas persaraan sebagai ahli politik, beliau semakin aktif dalam bidang penulisan walaupun menjangkau lebih 80 tahun.


Tunku Abdul Rahman Putra terkenal dengan hasil tulisan dalam akhbar *The Star* di ruangan '*Looking Back*' dan '*As I See It.*' Beliau mula menulis di ruangan *Looking Back* sejak 16 Disember 1974 sehingga 16 Ogos 1975. Sepanjang penulisan itu sebanyak 53 buah artikel telah dihasilkan. Kebanyakan artikel tersebut adalah berkenaan dengan rakyat Malaysia dan insiden-insiden politik yang telah berlaku pada zaman beliau.

Pada tahun 1969, Tunku Abdul Rahman Putra telah menghasilkan bukunya yang pertama iaitu *May 13, 'Before and After'*. Beliau meneruskan lagi

tulisan dalam akhbar The Star dengan ruangan baru iaitu 'As I See It' pada 5 Januari 1976. Selepas itu barulah beliau menumpukan kepada isu-isu semasa yang menjadi minat pembaca.

Antara buku-buku tulisan Tunku Abdul Rahman Putra yang telah diterbitkan ialah *Viewpoints* (1970), *Looking Back* (1977), *As A Matter of Interest* (1981), *Something To Remember* (1983), *Lest We Forget* (1983), *Malaysia The Road To Independence* (1984), *Contemporary Issues In Malaysian Politics* (1984), *Challenging Times* (1986) dan *Political Awakening* (1986).

Tunku Abdul Rahman Putra bukan sahaja terkenal sebagai



Meminati kebudayaan dan kesenian rakyat Malaysia yang bebeza-beza

negarawan tetapi juga pendukung kebudayaan dan seni. Beliau aktif dalam bidang perfileman apabila sebanyak tiga buah filem hasil karya Tunku Abdul Rahman Putra telah difilemkan iaitu *Mahsuri*, *Raja Bersiong* dan *Sumpah Mahsuri*.

Filem *Raja Bersiong* karya Tunku Abdul Rahman Putra adalah filem

warna Melayu yang pertama di Malaysia. Tiga orang pakar filem dari negara Jepun telah di-datangkan khas oleh Tan Sri Run Run Shaw dan untuk membantu pengarah Jamil Sulung menjayakan filem tersebut. Ini adalah untuk meningkatkan mutu pengeluaran dan keagungan filem-filem Melayu ke peringkat antarabangsa. Sebelum menjadi Perdana Menteri, beliau bercita-cita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat budaya.

Penglibatan Tunku Abdul Rahman Putra bukan sahaja terhad di bidang perfileman sahaja, tetapi merangkumi bidang kebudayaan. Ini jelas terbukti apabila beliau menganjurkan Persidangan Drama dan Muzik Tradisional Antarabangsa, Drama dan Muzik Tradisional Asia Tenggara pada 27 hingga 30 Ogos 1969 di Kuala Lumpur. Ia bertujuan untuk menonjolkan kebudayaan Melayu di merata dunia

Tunku Dan Rekreasi

Tunku Abdul Rahman Putra seorang yang gemar kepada aktiviti-aktiviti rekreasi.

Antaranya berjoging, bola sepak, menunggang kuda, bermain golf, tenis, badminton dan belayar. Aktiviti rekreasi yang paling digemari oleh beliau ialah sukan berkuda dan golf.

Tunku Abdul Rahman Putra berminat kepada sukan berkuda sejak muda lagi dan berterusan sehingga beliau menuntut di London. Kunjungan rasmi beliau ke Australia pada tahun 1956

telah menimbulkan semula minatnya terhadap sukan berkenaan selepas menyaksikan Perlumbaan Piala Melbourne.

Tunku Abdul Rahman Putra juga aktif dalam sukan dan pernah memenangi juara pertandingan golf di Singapura pada 9 Julai 1961.

Sebagai Perdana Menteri yang mempunyai jadual-jadual yang padat terutama yang berkaitan dengan perjumpaan politik dan kunjungan di dalam dan luar negara, beliau mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti tersebut.

Tunku Abdul Rahman Putra juga mempunyai hobi yang unik, antaranya mengambil gambar, membaca, memancing dan memandu bot. Itulah sebabnya Tunku Abdul Rahman Putra sentiasa membawa kamera ke mana-mana sahaja untuk merakam sesuatu peristiwa untuk dijadikan kenangan.

Selain itu, Tunku Abdul Rahman Putra mempunyai hobi yang istimewa dalam bidang masakan. Antara hidangan yang beliau selalu masak termasuklah *Roast Beef*, *Chop Steak* dan *Puding Yorkshire*.



Expo batik yang diadakan di bangunan MARA Kuala Lumpur

TANGGAPAN RAKYAT MALAYSIA

Bapa Kemerdekaan

Jika dibandingkan dengan pemimpin terdahulu, Tunku Abdul Rahman Putra adalah pemimpin yang paling berjaya dalam menyatukan semua kaum di negara ini. Penyatuan antara kaum ini dilakukan dengan cara diplomasi sehingga tidak melukakan perasaan antara kaum.

Sehubungan dengan penyatuan yang dilakukan melalui Perikatan telah berjaya memerdekakan Tanah Melayu dan seterusnya menjadi Malaysia yang berjaya. Ini disebabkan tanpa penyatuan Malaysia tidak akan berjaya seperti yang ada pada hari ini.

Tunku Abdul Rahman Putra juga bekerja keras bagi menuntut kemerdekaan daripada British. Bagi mendapat keyakinan itu, beliau melantik beberapa orang tokoh di kalangan masyarakat Cina dan India untuk

turut sama mentadbir negara.

Walaupun Tunku Abdul Rahman Putra telah berjaya menggembeng tenaga bersama kaum lain, namun pihak Inggeris masih tidak berpuas hati. Ekoran daripada itu, Tunku Abdul Rahman Putra tetap berusaha dengan penuh semangat, lebih-lebih lagi apabila mendapat sokongan moral daripada rakyat Tanah Melayu yang berbilang kaum. Hanya selepas pihak Inggeris benar-benar yakin barulah kemerdekaan diberi.

Sebelum kemerdekaan dicapai, pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuhi Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau terpaksa menjaga masyarakat Melayu dalam memastikan ketuanan negara milik mereka.

Beliau juga terpaksa memastikan masyarakat Cina terus menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Begitu juga dengan kaum India dan kaum-kaum lain.

Bahkan yang paling menyukarkan apabila Tunku Abdul Rahman Putra terpaksa menyelesaikan masalah yang sensitif supaya tidak menyentuh perasaan kaum-kaum yang terdapat di Tanah Melayu.

Bagi memastikan Tanah Melayu berada dalam keadaan harmoni, Tunku Abdul Rahman Putra dengan



beraninya memberi kewarganegaraan kepada kaum lain. Kaum lain pula perlu mengiktiraf keistimewaan masyarakat Melayu dalam apa-apa juga bidang. Hanya dengan cara tolak ansur ini hubungan antara kaum dapat dieratkan.

Setelah melakukan pelbagai usaha,

akhirnya pada 31 Ogos 1957, secara rasminya Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah.

Gelaran Bapa Kemerdekaan kepada Tun Abdul Rahman Putra adalah wajar memandangkan usaha beliau ke arah kemerdekaan negara yang tidak mengenal penat lelah.